

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 2

Hari Rabu

26 Mac 1997

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan)

USUL-USUL:

- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 18(1)

- **Pertempuran Kaum Penan Dengan Pasukan Polis Hutan**

- *Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)*

(Ruangan)

■ **Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**(Ruangan)

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Ketiga

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,
D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S.,
S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok,
P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato'
(Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,
S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titivangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K.,
A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
Yang Berhormat Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P.
(Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)

“ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N.
(Wangsa Maju)

“ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

“ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

“ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

“ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

“ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

“ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

“ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

“ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

“ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

“ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

“ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

“ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

“ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

“ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak
Bernam)

“ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)

“ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

“ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

“ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

Yang Berhormat Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 26hb. Mac, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**MSC - PENYEDIAAN SUMBER MANUSIA YANG
MENCUKUPI OLEH IPT**

1. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah kursus-kursus di bidang teknologi maklumat, perisian dan kejuruteraan komputer dan multimedia yang ditawarkan di institusi pengajian tempatan mampu dan mencukupi untuk menyediakan sumber manusia bagi Koridor Raya Multimedia; dan
- (b) adakah kementerian berhasrat untuk menghantar lebih ramai pelajar ke luar negara bagi menjalani pengkhususan di bidang teknologi maklumat dan multimedia sebagai persediaan untuk Koridor Raya Multimedia.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul

Razak]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan memang mempunyai perancangan bagi menyediakan sumber manusia yang mencukupi sebagai persediaan ke arah pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia. Sejak tahun 1991 hingga 1995 institusi-institusi pengajian tinggi tempatan telah

mengeluarkan lebih 7,479 orang dalam bidang sains komputer multimedia dan teknologi maklumat. Menjelang tahun 2000, IPT awam dijangka dapat mengeluarkan seramai 15,000 graduan dalam bidang-bidang tersebut. Jumlah ini tidak termasuk IPT-IPT swasta yang juga digalakkan menganjurkan program-program dalam bidang berkaitan, termasuk melalui program twinning dengan universiti-universiti luar negara.

Di samping itu, kerajaan telah meluluskan penubuhan 3 buah universiti swasta yang baru, iaitu Universiti Telekom, Tenaga dan Petronas dan mereka akan mula mengambil pelajar-pelajar dalam bidang tersebut mulai tahun ini. Fakulti multimedia, Universiti Telekom akan menjadi teras kepada penubuhan Universiti Multimedia di Siberjaya dan universiti ini akan memainkan peranan penting dalam menyediakan tenaga yang mencukupi bagi keperluan Koridor Raya Multimedia.

- (b) Berdasarkan perancangan yang dibuat pada masa ini, keluaran IPT awam dan swasta dijangka dapat memenuhi keperluan tenaga kerja dalam bidang-bidang sains komputer multimedia dan teknologi maklumat untuk Koridor Raya Multimedia. Namun demikian, buat masa ini kerajaan masih menghantar pelajar-pelajar ke luar negara

untuk mengikuti bidang-bidang tersebut sehingga keperluan mencukupi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menggariskan usaha-usaha untuk memastikan jumlah tenaga yang mencukupi dalam bidang multimedia. Saya hendak bertanya sedikit, adakah kementerian berpuashati dari segi penyertaan kumpulan bumiputera dalam tenaga kerja yang penting ini bagi menjayakan multimedia seperti yang dikatakan tadi?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini penyertaan kaum bumiputera adalah memuaskan, disebabkan penyertaan kaum bumiputera dapat ditentukan oleh kementerian bagi kemasukan IPT-IPT awam dan termasuk Universiti-universiti Telekom, Tenaga dan Petronas. Kementerian menjangkakan bahawa bilangan penyertaan bumiputera akan dapat ditingkatkan lagi pada masa-masa akan datang.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dua undang-undang siber yang akan dibawa ke Parlimen ini, insya-Allah akan diluluskan, iaitu Undang-undang Jenayah dan Signature Digital. Jadi, berbangkit daripada kedua-dua undang-undang ini, ada keperluan kepakaran yang mungkin belum ada di negara kita, iaitu juruaudit yang berilmu keselamatan komputer dan peguam yang pakar daripada cyberlaw. Jadi, apakah tindakan kementerian untuk mengisikan kekosongan ini agar MSC ini boleh berjalan lancar tidak menggunakan pakar-pakar dari luar negara?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, tidak mungkin kita dapat menampung segala keperluan melalui IPT awam dan tempatan, dan kita masih memerlukan tenaga mahir dari luar negara untuk bekerja di kawasan Koridor Raya Multimedia. Di samping itu, untuk kemahiran khusus, kita akan perlu terus menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negara.

**PROGRAM KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN -
JUMLAH PERBELANJAAN**

2. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai program kebersihan dan keindahan:-

- (a) berapakah ringgit Malaysia telah dibelanjakan oleh semua atau sebahagian pihak berkuasa tempatan di Malaysia untuk tujuan program kebersihan dan keindahan khasnya kutipan sampah sarap; dan
- (b) apakah garis panduan yang telah diberi kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam penswastaaan kutipan sampah sarap.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol

Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah Program Bersih dan Indah yang diselenggarakan oleh kementerian ini dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak RM46.58 juta telah diagihkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk tujuan meningkatkan kebersihan dan keindahan. Dalam pada itu, di bawah projek pembangunan kementerian ini pula, sebanyak RM22.5 juta telah digunakan untuk membangunkan beberapa tapak pelupusan 'sanitary landfill', dengan izin, manakala dalam tahun 1994 hingga

1996 sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja pembersihan longkang bagi pihak berkuasa tempatan seluruh negara. Ini tidak termasuk perbelanjaan pihak berkuasa tempatan dari peruntukan operasinya sendiri.

- (b) Dalam cadangan penswastaaan pengurusan sisa pepejal seluruh negara, syarikat-syarikat yang akan melaksanakan penswastaaan tersebut akan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan pungutan dan pelupusan sampah, kitar semula sisa-sisa pepejal dan kempen kesedaran serta beberapa program yang lain. Syarat-syarat perkhidmatan sedang dirundingkan oleh Unit Perancang Ekonomi dengan syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa untuk sesetengah majlis kerajaan tempatan, mereka ada mengasingkan pada cukai pintu yang dibayar oleh penghuni-penghuni satu jumlah untuk pengutipan sampah-sarap. Bolehkah pihak kerajaan memperuntukkan bayaran sampah-sarap ini kepada pihak swasta supaya rakyat tidak akan dikenakan beban bayaran yang lebih tinggi daripada apa yang mereka bayar sekarang kerana kalau mereka dikenakan pembayaran yang lebih tinggi, ini bermakna bahawa selama, saya ingat sejak merdeka, ini merupakan perakuan oleh pihak kerajaan bahawa kerajaan tempatan telah gagal dalam tugasnya memberikan perkhidmatan kemudahan asas mengutip sampah-sarap dengan baik?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menswastakan pungutan sampah ataupun sisa-sisa pepejal yang dilakukan oleh kerajaan ialah kita subsidikan kawasan-kawasan yang tidak untung dengan kawasan-kawasan yang untung. Misalnya, apabila kita memberi kawasan tengah kepada HICOM, yang untung hanyalah di Lembah Kelang, iaitu Kuala Lumpur dan Selangor, tetapi untuk kawasan Pahang, Terengganu dan Kelantan, kawasan-kawasan ini merupakan kawasan yang kurang menarik. Jadi, keuntungan yang diperolehi di Kuala Lumpur dan Selangor akan ditampung dengan kerugian yang mungkin akan didapati di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Ada setengah-setengah pihak berkuasa tempatan, kutipan untuk setahun hanyalah RM123,000 dan ini sudah tentu tidak boleh menampung kos untuk mengutip sampah dan kos ini pada masa ini terpaksa diberi subsidi oleh kerajaan. Tetapi apabila kita menswastakan nanti, yang untung akan subsidi yang rugi dan inilah cara kita melaksanakan supaya semuanya akan dapat keuntungan ataupun dengan izin, win-win situation.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sampah-sampah, terutama sekali sampah-sampah bandar yang dibuat oleh DAP itu dibuang ke luar bandar dan kawasan saya sampah-sampah dalam bandar dibuang ke luar bandar. Tidakkah ada rancangan kementerian ini supaya kita beli incinerator supaya sampah-sampah ini dibakarkan dalam incinerator. Saya ingin tahu sama ada ada rancangan atau adakah harga incinerator ini terlampau mahal? Tidak bolehkah pihak

swasta yang kita swastakan itu membeli incinerator ini untuk melaksanakan pembuangan sampah di bandar-bandar?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya salah satu sebab kita menswastakan sisa-sisa pepejal ini ialah supaya kita dapat mengubah daripada teknologi yang ada sekarang ini kepada teknologi yang lebih canggih, lebih baik lagi. Kebanyakan daripada tempat-tempat pelupusan sampah menggunakan, dengan izin, landfill system. Kalau kita menggunakan incinerator kosnya mungkin begitu tinggi. Hanya untuk kita menggunakan incinerator, misalnya di Pulau Langkawi, kosnya mungkin RM4 juta untuk membeli alat dan ini tidak termasuk kos operasinya pada setiap tahun.

Bagi Kuala Lumpur saya difahamkan kos untuk kita membeli incinerator mungkin sampai ke tahap RM1 bilion. Ini sudah tentulah merupakan satu kos yang tinggi dan kemungkinan kita terpaksa menggunakan juga sistem landfill, tetapi dengan adanya tempat pungutan, misalnya 8 atau 10 tempat pungutan di Lembah Kelang dan selepas itu terpaksa kita hantar sebagaimana kata Yang Berhormat tadi, dihantar ke kawasan luar bandar, mungkin ke kawasan Bukit Beruntung dan sebagainya. Tetapi sebagai contoh, hanya untuk Kuala Lumpur, Bandaraya membelanjakan hampir-hampir RM105 juta setahun untuk pelupusan dan kebersihan Kuala Lumpur. Jadi, ini merupakan satu kos yang agak tinggi.

3. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof (Alor Gajah) minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa ada ura-ura Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) akan dikorporatisekan dan jika FELCRA dikorporatisekan sudah pasti FELCRA akan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang menguntungkannya sahaja iaitu berasaskan kepada projek-projek yang 'viable' dari sudut ekonomi, bagaimanakah FELCRA yang dikorporatisekan ini boleh mengekalkan matlamat kerajaan dalam menubuhkan FELCRA iaitu untuk memulih dan menyatukan tanah-tanah terbiar yang tidak produktif terutama di kawasan luar bandar dan untuk membantu menaikkan taraf ekonomi masyarakat luar bandar yang memiliki tanah-tanah terbiar.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]:

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keputusan untuk mengkorporatkan FELCRA bukan lagi satu ura-ura kerana kerajaan telah pun membuat keputusan bagi mengkorporatkan FELCRA mulai 1hb. September, 1997 yang akan datang dan FELCRA akan menjadi sebuah syarikat yang ekuitinya dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan akan memastikan bahawa FELCRA akan terus melaksanakan fungsi asalnya iaitu memulih dan menyatukan tanah-tanah terbiar di kawasan luar bandar dengan pendekatan pelaburan yang lebih sesuai dan menguntungkan kepada pemilik-pemilik tanah.

Alasan FELCRA dikorporatisekan, antara lain, ialah:-

- (i) keperluan untuk meninggikan produktiviti sedia ada bagi menampung kenaikan kos operasi. Ini boleh dicapai melalui kecekapan yang tinggi dengan digerak dan dipandu oleh kuasa pasaran;
- (ii) pengurusan pembangunan tanah harus dijalankan secara ekonomi bidangan oleh badan-badan korporat dan ini akan dapat membuka

peluang bagi sektor industri dan sektor lain bertapak dan berkembang di luar bandar pada kadar yang lebih cepat; dan

- (iii) dengan pengkorporatan FELCRA, pengaliran kewangan awam termasuk dalam bentuk subsidi diharap dapat dikurangkan dan disalurkan ke sektor lain yang lebih penting.

Kerajaan memberi jaminan bahawa walaupun FELCRA dikorporatkan, segala obligasi sosial yang dipertanggungjawabkan kepada FELCRA akan diteruskan oleh kerajaan. Antara lain, termasuklah:-

- (i) menyatu, memulih, memaju dan menguruskan tanah-tanah tidak ekonomik kepada sektor-sektor yang dapat memberi pulangan yang maksimum;
- (ii) menyusun semula dan memajukan kampung-kampung tradisional dengan menyediakan asas ekonomi, perumahan, perindustrian dan perkhidmatan sebagai pusat pertumbuhan desa yang menarik dan maju; dan
- (iii) melaksanakan pelbagai aktiviti hulu dan hiliran sebagai pelengkap kepada dua aktiviti di atas dan dengan izin termasuk kegiatan-kegiatan related and unrelated diversification.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA - SIASATAN ATAS SKANDAL TENDER

4. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa beliau tidak mahu menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja dalam skandal pemberian tender Syarikat Telekom Malaysia sebanyak RM2.7 bilion kepada 5

syarikat iaitu Ericsson daripada Sweden, NEC daripada Jepun, Alcatel Alsthom daripada Perancis, Nokia daripada Finland dan Fujitsu daripada Jepun dalam tahun 1992. Mengapakah perkara ini baru ditimbulkan bila YAB sendiri telah menolak soalan DAP tentang perkara ini dalam tahun 1992 dan menteri manakah yang bertanggungjawab meluluskannya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil keputusan tidak menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja kerana isu ini boleh dikendalikan oleh BPR pada peringkat BPR sendiri dan jikalau ditubuhkan suruhanjaya sepertimana yang dicadangkan itu, ianya akan melibatkan kos dan juga masa yang panjang.

Semua pemberian kontrak kepada syarikat Ericsson oleh Telekom Malaysia Berhad masih dalam penyiasatan dan ianya tidak semestinya tertumpu kepada kontrak untuk peralatan switch sebanyak RM2.7 ribu juta yang ditawarkan kepada 5 syarikat pada tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dibangkitkan sekarang kerana adanya aduan termasuk daripada syarikat-syarikat antarabangsa yang menyatakan bahawa Telekom Malaysia Berhad lebih cenderung untuk memberikan kontrak kepada syarikat Ericsson dibandingkan dengan syarikat-syarikat lain. Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh pihak kementerian beberapa kali bahawa kerajaan akan sentiasa berlaku adil dan telus kepada semua pihak di dalam membuat penilaian dan penawaran kontrak-kontrak kerajaan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab siapakah yang bertanggungjawab meluluskan kontrak ini, dalam soalan asal. Tetapi merujuk kepada apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri, saya ingin bertanya mengapakah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mempertikaikan pemberian kontrak ini bila semasa saya membawakan isu ini ke Parlimen, jawapan yang telah diberikan oleh beliau dan jawapan Yang Amat Berhormat dalam keratan akhbar bertarikh 13hb. Mac, 1992 menjawab perkara yang ditimbulkan oleh saya dan juga di Parlimen yang diulangi oleh beliau dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada masa itu yang sekarang Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di mana mereka mempertahankan pemberian tender Syarikat Telekom Malaysia kepada semua kelima-lima syarikat dan menyatakan dengan terang sekali bahawa tidak timbul sebarang penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan, tetapi balik-balik sekarang ada penyelewengan.

Kalau begitu, nampaknya percanggahan yang pertama dan kedua, percanggahan juga di antara menteri sama ada Menteri Kewangan atau Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada masa itu iaitu Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput, siapa yang bertanggungjawab?

Lagi satu perkara ini hanya boleh diputuskan oleh Suruhanjaya Siasatan DiRaja, bukanlah oleh BPR.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Ya!

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Oleh kerana itu, memandangkan latar belakang sedemikian, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa BPR tidak mempunyai kuasa untuk memutuskan siapa atau bidang kuasa mana yang bertanggungjawab iaitu Yang

Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada masa itu iaitu Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menjawab soalan yang pertama, yang meluluskan pada peringkat muktamad ialah Menteri Kewangan dan yang menawarkan kerja itu kepada Ericson ialah kementerian yang berkenaan, ini adalah prosedur di dalam kontrak-kontrak kerajaan.

Soalan yang kedua, Yang Berhormat keliru kerana ada dua isu dalam perkara ini. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada tahun 1992 ialah, 'bagaimana kontrak itu diberi?' Dan kontrak itu diberi dan mengikut siasatan pada masa itu dan juga siasatan pada masa sekarang diberi mengikut prosedur yang diterima oleh kerajaan.

Soalan yang berbangkit sekarang Yang Berhormat sifatkan sebagai skandal ialah mengatakan bahawa pihak Telekom Malaysia Berhad memberi favour kepada Ericson yang mana ada perlakuan rasuah. Itu soalan yang baru ditimbulkan. Soalan itu tidak ditimbulkan oleh Yang Berhormat pada 1992.

Yang Berhormat menimbulkan soal procedural dan soal procedural ini, kalau saya hendak nyatakan di sini dalam Parlimen ini telah pun disiasat dan dilakukan oleh pihak Perbendaharaan menyatakan di sini, bahawa ianya dilakukan mengikut segala prosedur yang diterima oleh pihak Perbendaharaan.

Masalah ini timbul ialah apabila berita mengatakan ada berlaku rasuah, ada berlaku penukaran wang dan ini sekarang sedang disiasat oleh pihak BPR dan pihak

BPR menyiasat mengenai dengan tiga perkara yang kami tahu ialah, yang pertama mengenai dengan favour, dengan izin, yang diberi kepada Perwira Ericson.

Yang kedua, mengenai dengan price excalation ataupun variation contract yang mana berlaku, dibenarkan berlaku tetapi jikalau ianya berlaku penyelewengan maka kita akan siasat mengikut alasan yang dibuat oleh BPR, dan yang ketiga, yang BPR sedang melihat, berkait dengan apa Ahli Yang Berhormat katakan dengan skandal itu ialah apa yang dipanggil under quotation kepada Ericson. Inilah yang disiasat sekarang, Yang Berhormat. Yang dahulu ialah procedural dan saya kata kita beri 'a clean bill of health' pada procedural ini.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mendapat penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Saya rasa salah guna tidak timbul, tetapi salah faham yang dieksploitkan oleh DAP yang timbul. *[Tepuk]* Jadi, sukacitalah sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi sedikit penjelasan secara brief, dengan izin, cerita awal tentang pemberian tender ini kepada Ericson.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1992 satu tender dipanggil untuk membekalkan 800,000 talian oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad merekomenkan dua syarikat pada masa itu iaitu Perwira Ericson, satu syarikat yang 70% dipunyai oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan satu lagi Syarikat Pernas NEC, satu lagi syarikat yang mempunyai kepentingan nasional.

Dan ini diterima oleh pihak Perbendaharaan, tetapi dua bulan selepas 800,000 talian ini diberi, pihak Syarikat Telekom Malaysia Berhad hendak menambah 4 juta lagi talian kepada dua syarikat ini. Jadi, ini yang mungkin dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi.

Apabila 4 juta talian hendak ditambah, maka pihak Perbendaharaan kata, tidak mungkin ini diberi kepada dua, pihak Perbendaharaan memastikan ianya disebarikan kepada lebih banyak syarikat supaya setiap syarikat yang berkecimpung dalam bidang ini dapat merasai.

Jadi, apa yang dibuat oleh pihak Perbendaharaan ialah kita menyebarkan kepada lima syarikat dan setiap satu syarikat mendapat 800,000 talian iaitu 4 juta dibahagi dengan lima dan apabila ini dibahagi tetapi dengan syarat iaitu pertama, syarikat ini mestilah memindahkan teknologi kepada partner tempatan. Yang kedua, syarikat ini mestilah mewujudkan kilang pembuatan talian ini dan yang ketiga, ianya mestilah saya pun lupa dah, ada tiga, tetapi masalahnya apabila ini diberi semuanya sama rata.

Masalahnya timbul apabila dua syarikat international membuat kompelin mengapa mereka tidak dapat. Inilah yang dipertikaikan daripada tahun 1992 dahulu sehingga sekarang dan saya nyatakan lagi di sini, dari segi pemberian yang saya sebut tadi daripada awal hingga akhir semuanya mengikut prosedur Perbendaharaan yang tidak ada elemen penyelewengan.

**ALAT SISTEM AMARAN KAJI CUACA -
KEBERKESANAN**

5. **Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauhmana kemampuan dan keberkesanan Alat Sistem Amaran Kaji Cuaca mengesan keadaan cuaca sehubungan dengan berlakunya tragedi Ribut Tropika Greg yang melanda Sabah pada 26hb. Disember, 1996 mengorbankan banyak nyawa:-

- (a) apakah langkah-langkah perlu telah diambil dalam usaha memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai ribut itu akan berlaku; dan
- (b) berapakah jumlah sebenar kerugian harta awam akibat Ribut Greg itu dan berapakah jumlah sumbangan yang diterima oleh kerajaan negeri bagi membantu mangsa dan juga kerosakan harta awam.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peralatan Sistem Amaran Kajicuaca yang digunakan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia di Petaling Jaya mampu untuk mengesan dan merekodkan segala bentuk maklumat berhubung dengan keadaan cuaca yang beraku dari masa ke semasa. Melalui peralatan tersebut, pada 23hb. Disember, 1996, jam 8.00 pagi, Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia telah berjaya mengesan keadaan awan dan sistem tekanan rendah, low pressure system, dengan izin, di Laut China Selatan melalui satelit. Berasaskan kepada analisa dan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada gambar-gambar satelit itu, amaran cuaca buruk termasuk angin kencang serta laut yang bergelora telah dikeluarkan kepada agensi-agensinya yang berkenaan pada 23hb. Disember, 1996.

Bagi menjawab soalan (a), di antara langkah yang telah diambil oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia (PKM) di dalam usaha memberi kesedaran kepada orang ramai ialah menyebarkan maklumat tersebut melalui beberapa agensi kerajaan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, memandangkan peristiwa ini merupakan

pertama kali berlaku di negara ini, pihak yang berkenaan tidak dapat menjangkakan sejauhmana bahaya dan kesannya mala petaka tersebut kepada orang ramai dan harta awam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b), mengikut maklumat yang diterima daripada Kerajaan Negeri Sabah, jumlah anggaran kerugian harta awam akibat Ribut 'Greg' ialah RM130 juta. Anggaran ini adalah termasuk nilai harta awam Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan termasuk kerosakan bangunan, jalan-jalanraya, jambatan, logi penapisan air, sekolah dan klinik. Jumlah sumbangan yang diterima oleh kerajaan negeri bagi membantu mangsa dan juga kerosakan harta awam ialah RM6.2 juta. Jumlah ini adalah diterima sehingga 28hb. Februari, 1997. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kita mempunyai kemampuan untuk sebenarnya memberi maklumat yang awal mengenai dengan keadaan cuaca, tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dari segi pemberian maklumat sepertimana dalam televisyen ataupun dalam radio, tidak begitu jelas spesifik maklumat itu, yang selalunya 'hujan renyai-renyai di pantai timur', tidak mengatakan di manakah pekan itu dan tidak kelihatan menggunakan charts sepertimana yang dilakukan di negara yang lain yang mana maklumat itu 'location specific' supaya pihak awam boleh mengambil tindakan yang perlu.

Apakah tindakan kerajaan di dalam perkara ini supaya masalah begitu tidak lagi kita hadapi pada masa yang akan datang.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu ramalan dan di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil ialah:

- (i) Menubuhkan Pusat Ramalan (Central Focus Office) (CFO) di ibu Pejabat Kaji Cuaca, Petaling Jaya dengan seramai 31 orang pegawai dan kakitangan.
- (ii) Menubuhkan Pusat Ramalan Wilayah (Regional CFO) di Kota Kinabalu ditambah dengan seramai 12 orang pegawai dan kakitangan.
- (iii) Menubuhkan Pusat Ramalan Wilayah di Kuching dengan dianggotai seramai 12 orang pegawai dan kakitangan.
- (iv) Meningkatkan sistem pengawasan dengan menggantikan sistem Radar Amaran Ribut di Kota Kinabalu dan Kuching yang ada sekarang dengan anggaran perbelanjaan RM4 juta.

Inilah langkah-langkah yang diambil.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, daripada kajian dan juga rekod yang ada di Jabatan Ramalan Kaji Cuaca, bolehkah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa peratuskah kajian-kajian atau ramalan-ramalan yang dibuat oleh jabatan ini selalunya tepat? Kerana kalau ramalannya selalu tidak tepat ini mungkin akan menyusahkan rakyat. Jadi, kalau banyak yang tidak tepat, apakah langkah yang akan diambil supaya ramalan ini lebih tepat lagi?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ramalan ini saya ingat 80% lebih adalah tepat. *[Ketawa]*

PAPAN KETIGA DI KLSE BAGI MENGHAPUSKAN PAPAN KEDUA - TINDAKAN PENUBUHAN

6. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah benar maklumat yang kerajaan akan menubuhkan satu ‘papan’ lagi di KLSE atau akan menghapuskan papan kedua (Second Board) yang ada sekarang ini dan jika benar apakah rasional tindakan tersebut; dan
- (b) kita selalu melaungkan yang perdagangan di KLSE adalah di kalangan yang terbesar di dunia, tetapi kenapakah perdagangan tersebut tidak pernah diambil perhatian oleh pihak media serantau atau antarabangsa seperti AWSJ dan CNN sebagai satu ‘indicator’ kepada ekonomi serantau atau Asia.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang diterima oleh Yang Berhormat mengenai penubuhan Papan Ketiga ataupun penghapusan Papan Kedua di BSKL adalah tidak betul.

Bagaimanapun di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh Suruhanjaya Sekuriti telah meneliti penubuhan Bursa Saham yang baru khusus untuk menyediakan satu lagi cara pembiayaan bagi syarikat-syarikat berteknologi tinggi serta perusahaan-perusahaan kecil atau sederhana tetapi berpotensi tinggi.

Pada 18 Februari yang lalu, kerajaan telah mengumumkan satu rangka bursa baru yang akan didaftarkan atas nama MASDAQ Berhad dan usaha sedang dipergiatkan untuk mengemaskinikan penubuhan bursa baru itu untuk pelancaran pada penghujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) kurang mendapat perhatian media jika dibandingkan dengan

Indeks Hun Seng, Indeks Straits Times dan Taiwan Waited. Indeks-indeks tersebut telah beroperasi sekian lama berbanding dengan KLCI dan telah mendapat pengiktirafan pasaran antarabangsa sebagai 'indicator' ekonomi serantau ataupun ekonomi Asia. Umpamanya Indeks Hun Seng sering digunakan kerana Hong Kong dilihat sebagai pintu ke pasaran pelaburan di Cina yang mempunyai pasaran yang paling besar di dunia, di masa yang akan datang.

Indeks Straits Times Singapura juga sering diutamakan sebagai penanda pasaran rantau Asia kerana dianggap pusat pelaburan yang paling terkenal di rantau ini.

Polisi pelaburan asing yang lebih terbuka ataupun lebih liberal dan sistem pengurusan dana antarabangsa yang kukuh, yang diamalkan oleh negara-negara ini juga menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di pasaran mereka. Dengan itu minat pelabur-pelabur asing lebih tertumpu kepada pasaran-pasaran pelaburan ini. Walaupun pihak media lebih memberi perhatian kepada indeks negara-negara tersebut, Malaysia juga semakin mencipta nama kerana BSKL pada ketika ini merupakan bursa yang kedua terbesar di rantau Asia iaitu tidak termasuk Jepun dari segi nilai modal pasaran dengan catatan sebanyak US\$317.26 ribu juta dan pada Januari 1997 berbanding dengan Hong Kong yang sebanyak US\$449 ribu juta dan Australia di bawah kita iaitu hanya US\$300 ribu juta.

Malaysia adalah antara pasaran pelaburan yang terbaru, sering mendapat perhatian media kerana usaha-usaha giat pihak kerajaan untuk memperkenalkan perdagangan pasaran saham antarabangsa. Di antara langkah-langkah kerajaan

termasuklah menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat pengurusan dana asing dan membenarkan KWSP melabur sebanyak RM1 ribu juta dananya di dalam pasaran bon dan ekuiti antarabangsa.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berbalik saya kepada Second Board, apakah objektif asal penubuhan Papan Kedua dan sudahkan objektif itu tercapai dan kalau belum apakah tindakan kerajaan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, objektif asal penubuhan Papan Kedua ialah untuk memperbanyakkan syarikat-syarikat bumiputera masuk ke dalam KLSE. Tetapi malangnya objektif itu tidak dapat tercapai sekarang kerana kekurangan, ketandusan syarikat-syarikat bumiputera yang mencukupi syarat-syarat kemasukannya.

Walau bagaimanapun, pada tahun lepas Suruhanjaya Sekuriti (Security Commission) telah mewujudkan satu mekanisme yang mana syarikat-syarikat bumiputera yang tidak mempunyai syarat-syarat profitabiliti, mempunyai syarat-syarat aset dapat berkumpul ataupun dapat bergabung antara satu sama lain dan menggunakan performance account, jikalau performance account itu menunjukkan indicator yang boleh dimasukkan, maka ianya akan dimasukkan. Ini adalah satu mekanisme yang diwujudkan oleh pihak kerajaan. Dan juga di dalam apa yang saya sebut tadi OTC market, jadi kita harap syarikat-syarikat bumiputera yang berkecimpung di dalam high technology (high growth industry) dengan izin, dapat dimasukkan di bawah bursa

saham baru yang saya sebut tadi MASDAQ Berhad yang mana ianya dapat berkecimpung di dalam penarikan modal dari orang awam.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak Malaysia untuk memperkenalkan dan menaikkan taraf kedudukan pasaran KLSE kita di luar negara. Tetapi persoalannya kenapa kita tidak boleh bersaing dengan KLOFFE Singapura, di mana kaunter saham-saham yang tersenarai di KLOFFE kebanyakannya adalah merupakan kaunter saham-saham Malaysia? Jadi, apakah langkah-langkah yang patut diambil oleh Malaysia bagi mengatasi KLOFFE dan juga pasaran saham di Singapura, kerana kita lebih advanced, dengan izin daripada mereka, kita lebih diterima, apatah lagi dengan ‘kekurangajaran’ bekas Perdana Menterinya yang sekarang menjadi Menteri Kanan Singapura?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan ‘kekurangajaran’ itu saya tidak boleh komenlah. Yang itu Ketua Pemuda UMNO punya jurisdiction.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan KLOFFE - KLOFFE ini adalah hasil daripada pemisahan ‘serpihan’ ataupun ‘residue’, dengan izin daripada pemisahan dua bursa saham iaitu apabila kita berpisah dengan Singapura dahulu. Kita tidak boleh menahan mana-mana syarikat daripada disenaraikan di bawah MASDAQ iaitu over the counter di Singapura. Tetapi apa yang kita lakukan dengan mewujudkan MASDAQ ini kita harap syarikat mereka pun dapat datang dengan adanya ‘cross the border’, penyenaian ‘cross the border’ dan Yang Berhormat sedia maklum Yang Berhormat pun adalah seorang tokoh korporat bahawa kita telah pun membenarkan penyenaian

syarikat-syarikat asing dan cross the border listing, juga dengan adanya MASDAQ ini, kita harap syarikat-syarikat kita yang disenaraikan di KLOFFE itu dapat balik ke negaranya sendiri.

AHLI PARLIMEN WANITA DI DALAM PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

7. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan mengapa Malaysia gagal menepati permintaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya setiap anggotanya memastikan jumlah Ahli Parlimen wanita mencapai 30% keseluruhan Ahli Parlimen pada tahun 1995. Apakah sebab-sebab kegagalan itu.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menetapkan sasaran bahawa menjelang tahun 1995, 30% jawatan di peringkat pembuat dasar harus dipegang oleh wanita.

Walau bagaimanapun kajian yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mendapati bahawa secara umum sasaran ini tidak dapat dicapai. Kurangnya perwakilan wanita dalam peringkat membuat keputusan merupakan fenomena di seluruh dunia kecuali di beberapa negara Scandinavia.

Beberapa sebab telah dikenalpasti mengapa perkara ini berlaku, di antaranya ialah sikap masyarakat yang masih kurang yakin terhadap kemampuan dan keupayaan wanita untuk menjadi pemimpin, terdapat juga golongan wanita yang merasa kurang keyakinan diri tentang kebolehan dan keupayaan mereka dan mahu terus menampilkan pihak lelaki sebagai pemimpin, kurangnya pendedahan kepada kaum wanita akan aspek-aspek kepimpinan melalui latihan, bengkel-bengkel dan usaha-usaha lain dan masalah yang berkaitan dengan perlembagaan, undang-undang dan struktur dalam organisasi-organisasi parti politik dari peringkat akar umbi hingga ke peringkat tertinggi.

Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semalam, Yang Berhormat Menteri ada memberi jawapan bertulis kepada soalan saya berkaitan dengan wanita juga iaitu Persidangan Menteri Komanwel di Trinidad, Tobago, November tahun lepas dan keputusan yang telah dicapai di persidangan tersebut.

Antara keputusannya ialah angka 30% itu yang dianggap oleh pihak UN sebagai 'critical mass' ataupun 'threshold' bagi wanita hendak impact on decision making, dengan izin, negara-negara Komanwel haruslah mencapai angka ini pada tahun 2005. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat yakin dengan keupayaan Malaysia mencapai angka tersebut dan apakah Yang Berhormat bercadang untuk meletakkan target-target bagi memastikan pencapaian itu. Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa di Mesyuarat Kelima Menteri-menteri Komanwel yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal wanita pada November 1996 di Trinidad dan Tobago telah membuat beberapa keputusan dan keputusan-keputusan itu adalah mengenai pelaksanaan Commonwealth Plan of Action mengenai agenda dan pembangunan, mengenai agenda management system, agenda integration into politics and conflict resolution, dengan izin dan integration of agenda concerned into micro economic policy and women human rights. Memang telah ditetapkan di sana juga bahawa menjelang tahun 2005 setiap negara Komanwel hendaklah mencapai matlamat 30% wanita menyertai peringkat pembuat dasar dan apa yang harus kita buat ialah di peringkat kita sendiri hendaklah ada komitmen daripada kerajaan dan juga komitmen yang jitu daripada parti-parti politik

kerana pada hemat saya masyarakat di Malaysia menerima kepimpinan wanita, Ahli-ahli Parlimen kita dan calon-calon yang kita letakkan sama ada dari parti kerajaan atau parti pembangkang diterima oleh pengundi-pengundi tetapi adalah lebih sukar di dalam parti-parti politik itu sendiri untuk wanita mendapat tempat di tempat pembuat-pembuat dasar.

Rasa saya ini satu kenyataan yang semua orang sedar dan tahu, jadi perkara-perkara inilah yang perlu kita teliti dan perlu kita sama-sama mengambil tindakan agar perkara ini dapat dicapai, kalau hanya kementerian sahaja hendak melaksanakan perkara-perkara ini agak sukar sebab halangan-halangnya ada di bawah. Daripada peringkat cawangan sampai ke bahagian dan sampailah ke peringkat majlis tertinggi. Saya berani menyatakan sebab kami semua menyertai semua peringkat dan mengalami perkara-perkara ini. Namun begitu saya berharap di peringkat pergerakan-pergerakan wanita di dalam parti-parti politik yang ada di negara kita usaha-usaha yang jitu mestilah dilaksanakan. Di peringkat kementerian saya telah pun memulakan dengan akan menganjurkan satu kursus sains politik kepada pemimpin-pemimpin wanita dalam politik dan dalam masyarakat yang dianjurkan oleh HAWA (Bahagian Hal Ehwal Wanita) dan Universiti Kebangsaan yang akan kita mulakan pada bulan Mei dan saya berharap jugalah pergerakan-pergerakan wanita akan mengambil tindakan yang lebih lagi daripada itu dan bersama-sama dengan kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih. *[Ketawa]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Baru mari, Tuan Yang di-Pertua.

[Ketawa]

Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan belum lagi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak apalah.

Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Berkenaan dengan keyakinan

Tuan Yang di-Pertua: Saya puas hati dah.

Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Yang Berhormat terhadap keupayaan Malaysia mencapai matlamat.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya dah kata tadi, kalau semuanya bekerjasama memberikan sokongan memang kita yakin boleh! *[Sorak]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Dalam tahun 2005, 30% orang-orang wanita.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya, saya. *[Ketawa]*. Saya tengok wanita-wanita ini, saya kelam kabut. *[Ketawa]* Jadi, saya berasa amat kasihan, Tuan Yang di-Pertua, kepada kaum wanita ini. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kaum wanita

ini serba serbi duduk di belah bawah [*Ketawa*] jadi kita kena tolong depa, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, adakah masalah-masalah lain, kalau kita tengok wanita ini perwatakan dia tegas, kalau dia jadi menteri pun cukup tegas, kalau jadi ketua pejabat pun cukup tegas, hinggakan kaum lelaki naik takut dengan wanita [*Ketawa*] dan akhir-akhir ini sampai kerat mengerat pun berlaku Tuan Yang di-Pertua, [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu dari Yang Berhormat Menteri sendirilah, adakah pihak kementerian telah membuat kajian dari segi sifat kewanitaannya untuk menjadi pemimpin di dalam satu-satu organisasi kerana kita tengok Tuan Yang di-Pertua, saya tengok wanita di Malaysia ini baik tetapi kalau kita tengok pemimpin di beberapa buah negara di mana mereka biasa menjadi Perdana Menteri tetapi menghadapi masalah yang kucar kacir macam dua, tiga buah negara yang kita tidak mahu sebut dalam Dewan Rakyat ini. Adakah mungkin kerana di dalam Islam itu sendiri mengatakan wanita tidak boleh menjadi pucuk pimpinan tetapi setakat pemimpin itu okaylah pada pandangan saya.

Jadi, adakah pihak kementerian telah buat kajian terperinci dari segi, mungkin ada kelemahan-kelemahan tertentu di dalam sifat wanitanya yang tidak boleh kita tonjolkan ke hadapan. Dan sejauh mana juga Tuan Yang di-Pertua, pihak DAP dan PAS ini menyokong tentang konsep Barisan Nasional untuk mempertingkatkan maruah wanita di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kelemahan, semua orang ada kelemahan, lelaki ada kelemahan, wanita ada kelemahan tetapi

janganlah kelemahan-kelemahan wanita itu dieksploitasi. Ini yang kita hendak dan rasa saya kajian-kajian tidak perlu sebab pada pendapat saya Ahli-ahli Parlimen wanita yang ada dalam Dewan ini telah membuktikan kebolehan dan kemampuan mereka menjadi pemimpin dalam pertubuhan pergerakan politik masing-masing dan juga menjadi Ahli Parlimen yang begitu prihatin, rasa saya kalau tidak, tidak adalah kami mendapat undi majoriti yang tinggi.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Ada, di peringkat negeri ada pembangkang ya dan kita harap di peringkat Parlimen Dewan Rakyat juga pembangkang akan meletakkan calon-calon pada pilihanraya yang akan datang dan dengan sumbangan daripada parti pembangkang itu lebih cepatlah Malaysia mencapai 30% menjelang tahun 2005. Kita hanya ada dua pilihan raya sahaja lagi menjelang tahun 2005, jadi sama-samalah kita tentukan meningkatkan peratusan ini.

Tadi Yang Berhormat berkata bila wanita memimpin kucar-kacir. Yang mengucar-ngacirkan itu orang lelaki! *[Ketawa]* Sebab mereka yang hendakkan tempat itu! Sebagai Ketua Bahagian pun macam itu juga! Itulah jawapan saya. *[Ketawa]*

AL-QURAN - TERJEMAHAN YANG MERAGUKAN

8. **Tuan Hamzah bin Ramli [Seri Gading]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan sedar bahawa terdapat terjemahan Al-Quran yang diterbitkan oleh negara-negara luar mempunyai penterjemahan yang meragukan; dan
- (b) jika sedar, sila senaraikan nama-nama terjemahan Al-Quran tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sememangnya sedar terdapat terjemahan-terjemahan Al-Quran yang diterbitkan di negara-negara luar dan dibawa masuk ke negara ini mempunyai penterjemahan yang meragukan dan menyeleweng dari maksudnya yang sebenar.

Menyedari bahayanya penyelewengan tersebut, kerajaan telah mengambil tindakan mengharamkan kemasukan dan edaran terjemahan-terjemahan Al-Quran tersebut di negara ini.

- (b) Di antara terjemahan-terjemahan Al-Quran yang meragukan dan telah diwartakan pengharamannya oleh kerajaan ialah:-

- (i) *“The Al-Quran - Translated with Notes where N.J. Woods Dhaus”*, diterbitkan di London;
- (ii) *“The Quran - Interpreted and translated by Author J. Abre”*, diterbitkan di New York;
- (iii) *“The Holy Quran with English Translation and commentary”* oleh Masoud Ahmad, diterbitkan di Lahore;
- (iv) *“The Quran”* - pengarangnya Rout Well, diterbitkan di London; dan
- (v) *“Bacaan”*, pengarangnya Othman Ali, diterbitkan di Singapura.

Tuan Hamzah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada di antara terjemahan atau tafsir Al-Quran dalam Bahasa Indonesia yang sangat sukar difahami dan berbelit-belit bahasanya untuk difahami oleh orang Malaysia. Tidakkah ada kajian dibuat terhadap perkara ini dan apakah tindakan kerajaan dalam mengawal masalah ini?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Kerajaan sentiasa mengawasi dan menyemak terjemahan-terjemahan dan tafsiran dari negara tersebut dan setakat ini belum ada terjemahan yang diharamkan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya keliru tentang tafsir Al-Quran ataupun terjemahan Al-Quran. Kalau terjemahan Al-Quran, saya berpendapat bahawa tidak ada orang yang mampu untuk menterjemahkan Al-Quran. Selalunya kita berharap kepada orang yang pandai Bahasa Arab. Orang Arab pun di hadapan kita bercakap Bahasa Arab, kerana kita tidak faham dia bercakap, kalau orang Arab dengar sendiri pun, orang Arab tidak faham. Sebab itu dia sanggup mengelirukan rakyat dengan masuk ke kampung-kampung dengan tahu sedikit Bahasa Arab. Begitu juga....

[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Md. Isa bin Sabu: Dan, di samping itu juga...

Tuan Yang di-Pertua:....apakah soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Md. Isa bin Sabu: Ada sedikit. Kalau hendak sebut dalam Bahasa Mandarin Tuan Yang di-Pertua, rakan saya dari Bagan pun tidak faham. Jadi, pada

pendapat Yang Berhormat Menteri, keadaan di Malaysia ini mana yang sesuai boleh dipakai, sama ada terjemahan Al-Quran ataupun tafsir Quran untuk kepentingan masyarakat di Malaysia?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, garis panduan bagi Pusat Islam dan kerajaan menyemak ialah pendapat-pendapat yang muktabar yang diiktiraf di dalam mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mana tafsiran atau terjemahan, kerana kami menganggap bahawa terjemahan juga ialah tafsiran, kerana yang diterjemah ialah mengikut kefahaman orang yang menterjemah. Jadi, panduan kita ialah buku-buku yang muktabar yang diiktiraf dalam mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah

GEJALA RASUAH DAN KERUNTUHAN AKHLAK - USAHA MENANGANI

9. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakub [Bachok] minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah kerajaan akan menubuhkan satu kementerian baru bagi menangani gejala rasuah yang berlaku di negara kita sekarang; dan
- (b) adakah benar kerajaan berpendapat pendidikan agama benar-benar boleh mengatasi gejala keruntuhan akhlak dalam masyarakat

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan berpendapat tidak perlu menubuhkan satu kementerian baru untuk menangani gejala rasuah kerana kerajaan telah pun mewujudkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) iaitu satu agensi

yang dipertanggungjawabkan untuk membanteras rasuah di negara ini.

Kerajaan mempunyai penuh keyakinan atas kemampuan dan kewibawaan badan ini dalam menangani jenayah rasuah di Malaysia.

- (b) BPR berpendapat bahawa antara punca utama berlaku rasuah ialah kemerosotan pegangan kepada ajaran agama, pengabaian nilai-nilai murni dan sebahagian anggota masyarakat yang terlalu mementingkan kebendaan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1990, Kerajaan Parti PAS di Kelantan berjanji kepada rakyat bahawa dengan izin, kalau mereka berkuasa di Kelantan, mereka akan menubuhkan Jawatankuasa Hisbah yang antara lain tugasnya ialah untuk menyemak kegiatan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Jadi, adakah Kerajaan Persekutuan ingin menasihati Kerajaan Negeri Kelantan supaya mereka melaksanakan perkara ini? Jangan sahaja melihat Kerajaan Pusat yang dikatakan tidak cukup untuk membendung rasuah, sedangkan di negeri Kelantan sendiri, janji mereka kepada rakyat sampai hari ini pun mereka tidak tunaikan! [*Tepuk*]

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sangat dengan soalan itu oleh kerana mengikut rekod Badan Pencegah Rasuah, Kelantan pun ada banyak yang mendapat laporan mengenai rasuah.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan (b) belum dijawab.

Dato' Azmi bin Khalid: Sebenarnya telah dijawab, iaitu kita bersetuju bahawa antara punca utama ialah kerana kemerosotan kepada pegangan ajaran agama, maka pendekatan pendidikan agama perlu diteruskan dan diperhebatkan.

BINATANG YANG HAMPIR PUPUS - USAHA MENGATASI

10. Tuan Jimmy Donald [Sri Aman] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan usaha dan penyelidikan yang sedang dibuat untuk memelihara dan menambahkan bilangan binatang yang hampir pupus seperti harimau dan badak supaya dapat dipasarkan ke luar negeri apabila usaha ini sudah berjaya kelak.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makuman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah pun mempunyai satu senarai inventori kehidupan liar yang terancam dan hampir pupus. Bagi tujuan pemuliharaan tersebut, kementerian ini juga telah pun mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (a) telah menyediakan pusat pembiakan bagi membolehkan spesies-spesies berkenaan membiak dengan lebih banyak lagi. Sebagai contoh, Pusat Pembiakan Badak Sumatera telah diwujudkan di Rezab Hidupan Liar Sungai Dusun, Selangor; pembiakan harimau di Zoo Melaka, termasuk buaya yang dihantar semalam dari Puchong; dan pembiakan seladang di Jenderak, Pahang;
- (b) mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas habitat-habitat hidupan liar yang sedia ada melalui penguatkuasaan Akta

Perlindungan Hidupan Liar 1972, Akta 76. Tumpuan akan diberikan kepada kawasan-kawasan perlindungan hidupan liar seperti kawasan Taman Negara dan Rezab Hidupan Liar;

- (c) mempertingkatkan aktiviti penyelidikan spesies hidupan liar seperti harimau, badak, gajah dan seladang dengan memberikan penekanan terhadap aspek-aspek populasi dan taburan spesies yang berkenaan; dan
- (d) mempertingkatkan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam bidang penyelidikan dan pengurusan spesis hidupan liar dengan kerjasama pakar-pakar antarabangsa.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan berapa jenis binatang yang sudah pupus ataupun hampir pupus di negara ini dan juga adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada setengah pihak seperti ahli Rela yang mempunyai shot gun yang dapat menembak binatang-binatang yang begitu....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, begitu apa, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, dengan begitu berleluasa tanpa kawalan dan adakah Yang Berhormat akan mengambil tindakan untuk menghalang semua badan seperti Rela yang diberi peluang untuk mempunyai senjata dan senjata ini digunakan juga untuk mempuskan binatang di negara ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, jangan membuat tuduhan melulu, merbahaya!! *[Disampuk][Ketawa]*

Seorang Ahli: Hey Kepong, duduklah! *[Ketawa]*

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ialah sama ada aspek penguatkuasaan undang-undang berkesan atau tidak pada masa sekarang, kerana kita ada banyak undang-undang untuk menjaga binatang-binatang liar, tetapi hutan kita sangatlah besar. Sama ada kementerian amatlah berpuas hati dengan penguatkuasaan undang-undang sekarang?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita berpuas hati dan tidak penguatkuasaan pun ianya berkesan. Banyak juga rakan-rakan saya yang banyak kawan-kawannya kerana diambil tindakan undang-undang datang merayu untuk mengurangkan kompaun-kompaun. Ini nampak kesannya.

SYARIKAT TEKNOLOGI MAKLUMAT ASING - PEKERJA SOKONGAN

11. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada negara mampu menawarkan sumber manusia dari segi pekerja-pekerja yang cekap dan pekerja-pekerja sokongan kepada syarikat-syarikat teknologi maklumat asing yang akan melabur di dalam Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor).

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, melalui kerjasama yang bersepadu di antara kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan termasuk sektor swasta, negara akan mampu dan bersedia untuk menawarkan tenaga kerja yang

mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh syarikat-syarikat teknologi maklumat IT asing yang akan melabur di dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) nanti.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan akan mengenal pasti perkembangan dan keperluan kursus kejuruteraan yang berkaitan dengan MSC yang menjurus kepada persediaan tenaga kerja yang cekap dan mahir dalam bidang IT. Ini telah pun diperjelaskan sekejap tadi oleh Menteri Pendidikan sendiri.

Kementerian Sumber Manusia pula akan menyediakan pekerja-pekerja sokongan untuk industri IT yang akan bertambah kesan daripada perkembangan pesat pelaksanaan MSC. Kursus-kursus ini atau jenis latihan yang relevan dalam bidang IT akan disediakan kepada pelatih-pelatih yang akan mengikuti latihan kemahiran di pusat-pusat latihan di bawah kementerian ini. Dalam hubungan ini, kursus-kursus seperti Communication Technology, Computer-Aided-Design, Computer-Aided-Manufacturing dan Technology Management sudah pun diperkenalkan dan dijalankan. Pada masa yang sama, pusat-pusat latihan kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia yang akan dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh turut akan menumpukan kepada bidang latihan IT dan kursus-kursus yang sudah dirancangkan itu termasuklah Multimedia Development, Product Development and Industrial Design, Computer Interfacing and Signal Processing dan Computer Maintenance.

Walau bagaimanapun, untuk memenuhi keperluan segera tenaga mahir dan tenaga pakar oleh syarikat-syarikat pelabur MSC, mereka akan dibenarkan membawanya dari luar negara. Bagi kategori pekerja sokongan pula, negara mempunyai pekerja-pekerja

yang boleh diambil bekerja oleh syarikat-syarikat tersebut kerana tahap kemahiran yang diperlukan adalah di peringkat asas sahaja. Syarikat-syarikat asing IT ini yang akan melabur di dalam MSC nanti, khususnya yang meliputi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 boleh seterusnya menghantar pekerja-pekerja mereka untuk mengikuti latihan semula dan peningkatan kemahiran menggunakan kemudahan-kemudahan di bawah skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Sukacita saya menyatakan bahawa dari jumlah itu dalam masa tiga tahun yang lepas seramai 167,179 orang atau 13.16% telah mengikuti latihan berkaitan dengan bidang IT, membabitkan bantuan kewangan berjumlah RM35.4 juta.

Sektor swasta juga tidak ketinggalan dalam penyediaan tenaga kerja yang diperlukan dengan pelaksanaan MSC. Beberapa prakarsa (initiatives) untuk menubuhkan pusat-pusat pengajian tinggi dan juga pusat-pusat latihan multimedia yang berkaitan dengan MSC melengkapkan langkah-langkah yang diambil oleh negara untuk berhadapan dengan keunggulan era IT menjelang alaf baru.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 46 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Pertempuran Kaum Penan Dengan Pasukan Polis Hutan

3.35 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah di bawah Peraturan Mesyuarat 18 mengenai usul atas satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan:

Bahawa Dewan ini membenarkan Ahli Parlimen kawasan Bintulu, Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing untuk menanggungkan Dewan dan membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai masyarakat Penan di kawasan-kawasan persekitaran Selonggok, Baram, Sarawak yang mana pencerobohan dan penebangan kayu balak yang terus-menerus dilaksanakan oleh Syarikat Pembalakan Samling di dalam kawasan tanah adat hak pribumi, Native Customary Right Land milik kaum Penan yang telah mengakibatkan perbalahan, konfrantasi dan pertempuran serius antara kaum Penan dengan anggota-anggota Pasukan Polis Hutan.

Pasukan Polis Hutan telah melepaskan lapan das tembakan ke udara dan disusuli dengan penangkapan empat orang Penan yang berkumpul dan cuba berunding dengan pihak pengurusan Syarikat Pembalakan Samling pada 13hb. Mac, 1997. Tidak ada kepongian, halangan, rusuhan dan apa juga keganasan yang dilakukan oleh sekumpulan orang Penan sebelum kejadian pihak Pasukan Polis Hutan bertindak menahan orang-orang Penan. Mereka yang telah ditangkap dan ditahan ialah Busu Bujang, Jangin, Wa Musong dan Bering Wa, yang kesemuanya berumur antara 20 hingga 40 tahun. Jangin Jalong telah dipukul dengan kejam bila seorang saksi menceritakan yang beliau melihat hidung Jangin berdarah tatkala dibawa ke stesen polis. Mereka yang ditangkap telah

dibawa ke Balai Polis Bahagian Miri di mana telah dilock-up selama dua hari dua malam, dan kemudiannya telah dibawa ke Balai Polis Daerah Marudi dan ditahan remand di bawah Kanun Keseksaan, seksyen 117 - mencuri dan mengacau, mengganggu, sehingga 21hb. Mac, 1997.

Sepanjang tempoh remand, mereka telah dikasari dan dilayan dengan buruk di kedua-dua lock-up tersebut. Mereka kemudiannya telah dituduh berkumpul secara haram, bukannya tuduhan awal yang diumumkan di depan pihak akhbar-akhbar oleh pegawai polis Miri yang mana mereka dituduh terlibat di dalam merosakkan trak-trak syarikat pembalakan dan melakukan kejahatan lain. Sebaik sahaja dijamin keluar di depan Tuan Majistret Marudi pada 21hb. Mac, 1997, mereka telah ditangkap semula kerana disyaki mencuri satu gergaji kepunyaan syarikat pembalakan.

Kaum keluarga dan ketua-ketua masyarakat menafikan yang mereka terlibat dalam apa juga kejahatan jenayah seperti yang dituduh oleh pihak polis. Pasukan polis Marudi yang diketuai oleh Inspektor Fauzi enggan membenarkan keempat-empat mereka itu dihantar ke hospital untuk pemeriksaan dan rawatan perubatan apabila didesak oleh keluarga masing-masing. Pertama, pihak polis berkata bahawa mereka telah membakar trak-trak dan seterusnya membawa kepada penangkapan mereka pada 17hb. Mac, 1997, kemudian mereka telah dituduh kerana berkumpul secara haram dan sekarang mereka ditangkap semula kerana dikatakan telah mencuri gergaji.

Kaum keluarga mereka dan anggota-anggota masyarakat Penan kini menunggu dengan penuh kebimbangan pembebasan empat orang yang telah ditahan semula dan ini menyebabkan ketegangan antara Pasukan Polis Hutan dan masyarakat Penan kerana

mereka sering dicabar dan dibangkitkan kemarahan oleh pihak Polis Hutan supaya berlawan dengan mereka. Tindakan keras secara militari di pihak polis telah membuatkan orang-orang Penan yang terlibat merasa putus asa.

Masyarakat Penan Ulu Baram, Sarawak mendapati Pasukan Polis Hutan seperti menjadi pasukan pengawal keselamatan Syarikat Pembalakan Samling, sedangkan mereka sepatutnya bersikap tidak memihak dan tidak berat sebelah, tetapi membenarkan syarikat pembalakan dan orang-orang Penan menyelesaikan masalah mereka dengan cara baik. Hampir satu dekad sekarang mereka mempertahankan hak terutama kawasan warisan mereka dengan penuh penderitaan. Kepedihan atas kesan luka, sengsara yang dilakukan ke atas mereka oleh penceroboh dan penjahat, terutama provokasi berterusan syarikat-syarikat pembalakan dengan sokongan Pasukan Polis Hutan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Bintulu pada 25hb. Mac, 1997, jam 12.00 tengah hari. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu;

Syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai; dan

Syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Setelah saya meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan perkara ini adalah kepentingan orang ramai. Tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Seperti yang saya sebutkan petang semalam, kita sekarang berada di dalam perbincangan Titah DiRaja yang dibolehkan mana-mana ahli membahaskan apa-apa sahaja yang difikir sesuai.

Seperkara lagi, di dalam tuduhan berkenaan dengan apa yang dikatakan kekerasan polis atau salahguna kuasa mereka, tuduhan ini lazimnya tidak boleh dibuktikan dengan hanya ucapan-ucapan dalam tempoh satu jam yang diperuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18. Di dalam kes ini saya diberitahu oleh Kementerian Dalam Negeri bahawa polis bertindak mengikut undang-undang dan isu yang dibangkitkan ini adalah tidak benar. Untuk mendapat kepastian kebenaran, keterangan-keterangan perlulah diberi oleh saksi-saksi yang berkenaan dan keterangan mereka kenalah diperiksa melalui proses pertanyaan balas atau cross examination. Dengan cara ini, barulah kebenaran dapat dipastikan. Cara ini tidak boleh dibuat melalui Peraturan Mesyuarat 18(1).

Tidak disebut di dalam usul ini sama ada orang-orang yang terlibat telah membuat report kepada polis ataupun membuat aduan kepada mahkamah. Dengan membuat report dan mengambil tindakan mahkamah sahajalah boleh dipastikan kebenaran di atas tuduhan yang telah pun dibuat. Tindakan ini boleh dibuat pada mana-mana masa yang diberi. Dan yang demikian, pada fikiran saya, tidak ada sebab perkara ini hendak dikatakan perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. *[Tepuk]*

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG INSURANS LUAR PESISIR
(PINDAAN) 1997****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG NOTARI AWAM (PINDAAN) 1997**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Notari Awam 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PAHANG
TENGGERA (PEMBUBARAN) 1997****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk memindahkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pembangunan Luar

Bandar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA
(PEMBUBARAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH JENGA
(PEMBUBARAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan."
[25hb. Mac 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Dipohon Yang Berhormat dari Tanjong menyambung ucapan.

3.48 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Dewan yang mulia ini ditangguhkan semalam, saya dalam tajuk mengenai jurang jantina hi-tech.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sebab yang diberikan untuk menjelaskan masalah jurang jantina bentuk teknologi tinggi yang wujud di Amerika Syarikat, antaranya mengenai halangan tidak ketara yang menyekat wanita dari mendapat peluang serta kepimpinan sama rata dalam sektor IT.

Salah satu darinya adalah apa yang digelar sebagai 'masalah pipeline' atau 'pipeline problem', iaitu tidak cukup tenaga kerja wanita yang memiliki kemahiran teknikal yang lulus dari universiti dan masuk ke dalam industri ini.

Wujudnya sikap yang sedia ada bahawa komputer dan teknologi adalah lebih sesuai untuk lelaki yang diperkuatkan lagi pandangan ini oleh industri computer game yang direka dan disokong oleh kaum lelaki, muda atau tua.

Video games merupakan salah satu pintu masuk bagi mendapatkan kecelikan komputer, iaitu suatu kemahiran penting bagi kehidupan ekonomi dalam abad 21, maka ia telah menjadi salah satu punca utama bagi masalah jurang jantina bentuk teknologi tinggi.

Sebab yang satu lagi adalah 'masalah glass ceiling' di mana wanita dalam dunia komputer sama seperti rakan-rakan mereka dalam industri-industri lain, menghadapi had-had tidak rasmi dan tidak ketara yang menghalang mereka dari maju.

Masalah jurang jantina bentuk teknologi tinggi ini juga digambarkan di atas Internet. Pada suatu masa dahulu, Internet dinampak sebagai khas untuk kegunaan lelaki. Suatu masa dahulu, adalah dianggarkan jumlah lelaki melebihi wanita sebanyak 9:1 di cyberspace. Pada 1995, kajian Internet di Amerika Syarikat mengenai demografi Internet menunjukkan sungguhpun jurang jantina Internet wujud, tetapi ia tidak seluas yang disangka, iaitu hanya 2:1.

Jurang jantina Internet di Malaysia mungkin lebih serius. Mengikut kajian MIMOS pada tahun 1995, yang disiarkan pada bulan Ogos tahun lepas, pengguna Internet di Malaysia adalah kebanyakannya lelaki dan wanita hanya menduduki 11%. Jurang jantina Internet ini dibayangkan di dalam newsgroup on-line dan chartrooms, di

mana para wanita lebih suka menjauhkan diri kerana suasana yang dihadapi mereka adalah ‘garang, berapi-api dan one-upmanship’.

Sesetengah pakar merasa kluatir sekiranya wanita memilih untuk menjauhkan diri sebegitu, maka mereka akan kehilangan kuasa untuk menentukan cara medium baru yang berkuasa tinggi ini, dapat digunakan di masa depan.

Malaysia kini berada di pertengahan jalan membina lebuh raya maklumat kebangsaan kita untuk membawa Malaysia masuk ke era maklumat. Rancangan IT Kebangsaan Malaysia harus memasukkan satu strategi untuk memastikan bahawa tidak wujudnya masalah jurang jantina bentuk teknologi tinggi di Malaysia dan wanita di Malaysia akan diwakili sepenuhnya dalam pembangunan Teknologi Maklumat iaitu sektor ekonomi yang bertumbuh dengan paling pantas dan paling penting dalam milenium yang baru.

Ia juga harus diberi perhatian oleh semua rakyat Malaysia supaya memastikan bahawa dengan kemajuan Era Maklumat di Malaysia, kita tidak menghadapi masalah ketidaksamarataan jantina iaitu jurang jantina bentuk teknologi tinggi.

Kesepuluh, dan akhir sekali, kerajaan harus membentuk satu unit khas untuk membantu masyarakat cacat supaya mendapat akses ke lebuh raya maklumat dengan mendapatkan pinjaman dan pemberian khas kerana IT akan membuka horizon baru bagi mereka yang terasing hasil dari kecacatan pada diri mereka.

Mana-mana jenis terasingan yang dihadapi oleh mereka yang cacat akan dapat dikurangkan dengan bertambahnya pembangunan komunikasi elektronik dan IT.

Mereka akan dapat menyertai dalam proses demokratik dan aktiviti sosial dengan lebih mudah dan dapat peluang yang lebih untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka, malah mencungkil sumber-sumber yang ada pada diri mereka sendiri. Dengan menggunakan lain-lain bentuk IT seperti pendidikan berdasarkan IT, tele-kerja, akses ke pangkalan data, perbankan di rumah dan home shopping, ia akan membolehkan penglibatan dalam aktiviti yang sebelum ini tidak mungkin dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri harus memainkan peranan khas dalam transisi negara ke masyarakat maklumat sekurang-kurangnya dalam empat bidang berikut.

Pertama, semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri harus membantu membangkitkan kesedaran orang ramai terhadap IT, terutama sekali di kalangan mereka yang pada masa kini bukan ataupun tidak berkeyakinan untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dengan menghapuskan halangan dan sekatan sosial, pendidikan dan budaya pada mereka yang ingin tahu lebih banyak mengenai komputer, Internet dan IT.

Untuk mencapai matlamat ini, Parlimen dan semua Dewan Undangan Negeri harus membentuk Jawatankuasa Khas IT untuk memupuk kecelikan IT di semua sektor rakyat dan mem'popularize'kan konsep masyarakat maklumat di mana Malaysia dapat bermanfaat sepenuhnya dari teknologi maklumat dan komunikasi.

Sebagai permulaan, harus diadakan program untuk membolehkan semua Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ketua Menteri, Menteri Besar, Exco Negeri,

Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri celik komputer dalam masa setahun, sekurang-kurangnya sebelum MSC dilancarkan secara rasmi pada September depan berikutan dengan siapnya Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya supaya mereka dapat memainkan peranan model untuk membantu rakyat jelata, terutama mereka yang berumur lebih dari 40 tahun untuk mengatasi ketakutan mereka terhadap komputer.

Kedua, Parlimen dan semua Dewan Undangan Negeri harus mengadakan homepage yang interaktif di mana orang awam boleh mendapat akses ke prosiding Parlimen dan Dewan Undangan Negeri serta dapat menghubungi wakil-wakil mereka. Semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri harus ada alamat e-mail untuk memudahkan perhubungan on-line.

Ketiga, Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri harus melaksanakan peranan pendidikan yang penting di dalam memupuk kesedaran dan memandu perbincangan orang ramai mengenai kemajuan IT serta trendnya, potensi-potensi yang positif serta risiko-risiko yang wujud, serta bagaimana IT akan memberi kesan ke atas kualiti kehidupan setiap orang.

Parlimen sebagai contoh, harus membentuk satu jawatankuasa untuk mengkaji bagaimana IT dapat memberi kesan kepada pendidikan, kerja, hiburan, etika, moral, ekonomi, pertahanan malah masa depan nation state, belajar dari pembangunan IT di lain-lain negara dan mengumpulkan idea-idea serta memulakan perbincangan yang berterusan mengenai kontour masyarakat yang kita hendak bina ke Era Maklumat.

Era Maklumat merupakan era pemberian kuasa atau empowerment menerusi maklumat dan ilmu dan Parlimen mestilah juga diberi kuasa dalam era IT ini untuk melibatkan diri dalam semua peringkat pembentukan dasar dan perundangan dan bukan hanya menjadi rubber stamp pihak pentadbiran hinggakan peranan Ahli-ahli Parlimen terhad kepada menyahut 'setuju' kepada sebarang undang-undang yang dibentangkan di Dewan oleh Jemaah Menteri.

Kerajaan telah bercakap lama tentang Undang-undang Siber dan tidak ada sebarang sebab mengapa Parlimen tidak dirunding dalam berbagai perundangan siber ini sebelum ia sampai ke tahap akhir dan menjadi rang undang-undang dan tunggu untuk dibaca tiga kali dan diluluskan. Rundingan ini boleh diwujudkan sama ada dalam bentuk kertas hijau atau green paper yang merupakan dokumen rundingan untuk mencetuskan perbahasan awam yang meluas dan konstruktif ke atas sesuatu isu ataupun dalam bentuk Kertas Putih mengenai cadangan konkrit kerajaan ataupun mengenai sesuatu proses pembentukan rang undang-undang.

Sebagai contoh, selepas dua kali homepage TMnet telah diceroboh awal bulan ini, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos serta pihak Polis Malaysia tiba-tiba menunjuk keprihatinan mereka mengenai masalah computer hacking di mana menteri berkata bahawa beliau akan memeriksa sekali lagi rang undang-undang jenayah komputer manakala pihak polis pula berkata ia akan mendapatkan kerjasama rakan sejawat mereka yang lebih berpengalaman dalam berurusan dengan 'computer hacker'.

Mengapakah kes pencerobohan ke homepage dua kali ini boleh mencetuskan dua reaksi tersebut di atas? Khasnya adalah jelas kedua-dua tindakan berkenaan sebenarnya tidak boleh dianggap sebagai tindakan jenayah ataupun dilakukan dengan niat jahat, tetapi semata-mata hendak memberitahu pihak berkuasa Telekom yang mereka sungguh tidak puas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkannya itu.

Yang Berhormat Menteri berkata bahawa Undang-undang Siber yang dicadangkan itu akan berskop kebangsaan dan tidak akan terhad kepada Koridor Raya Multimedia sahaja dan bahawa mereka yang terlibat dalam jenayah komputer akan didakwa di bawah undang-undang baru tanpa kira sama ada mereka itu melakukan kesalahan di dalam ataupun di luar kawasan MSC.

Malaysia mestilah realistik dalam mengendalikan masalah jenayah komputer. Tipu helah elektronik, sebagai contoh boleh berlaku di mana-mana sahaja dalam dunia dengan mudah. Dalam kes jenayah elektronik transnational adalah tidak jelas siapakah yang bertanggungjawab untuk menjalankan penyiasatan, pendakwaan jenayah ataupun untuk tujuan insurans. Situasi mungkin akan berbangkit di mana kriminal yang memilih untuk bertindak dari sebuah negara yang tidak mempunyai persetujuan ekstradisi ataupun dari sebuah negara yang tidak mempunyai pasukan polis yang canggih untuk menangkap mereka.

Pada tahap pembangunan IT kita ini, mungkin kita harus mengambil sikap yang lebih toleran dan relaks terhadap 'computer hacking' di mana tujuannya adalah untuk menunjukkan kekurangan keselamatan serta menyerlahkan keperluan untuk

memperketatkan keselamatan sistem yang sedia ada dan bukannya menangkap dan mendakwa orang-orang ini.

Di Amerika Syarikat, tahun-tahun sebelum 1974 telah dihuraikan sebagai, dengan izin, era of forgiveness untuk para hackers. Hackers yang muda, yang berjaya menceroboh ke dalam sistem komputer akan dianggap sebagai genius yang mula berkembang dan mereka hanya dihukum untuk menulis satu karangan menceritakan cara mereka melakukan hacking itu.

Hanya dalam pertengahan tahun 1970-an, apabila kos jenayah komputer mula meningkat, barulah proses dimulakan untuk mengkategorikan jenayah-jenayah komputer. Sebagai contoh, mengikut satu laporan dari Pejabat Akauntan Umum Amerika Syarikat (US General Accounting Office) tahun lepas, adalah didedahkan bahawa komputer di Jabatan Pertahanan US telah diceroboh sebanyak 160,000 kali dalam tahun 1995.

Ia juga mendedahkan bahawa 65% dari 38,000 serangan yang diketuai oleh Agensi Sistem Maklumat Pertahanan US (DISA) ke atas komputer kerajaan untuk menguji tahap keselamatan mereka adalah berjaya, di antaranya hanya 4% yang dikesan dan kurang dari 4% yang dilaporkan kepada DISA.

Adalah benar dikatakan bahawa ungkapan “computer security” sebenarnya ungkapan yang silap, ‘misnomer’ kerana tidak adanya apa yang boleh digelar sebagai computer security. Apa yang ada hanyalah degrees of computer in security atau tahap-tahap keselamatan komputer.

Di bawah keadaan ini, sebarang tindakan yang dapat membantu memperbaiki keselamatan komputer institusi ataupun rangkaian harus digalakkan, syaratnya tidak melibatkan tujuan atau niat jahat atau jenayah.

Maka Telekom haruslah memberikan ganjaran kepada dua-dua hacker yang berjaya mencerooh ke dalam TMnet bulan lepas kerana mereka telah memberikan peluang kepadanya untuk menyedari yang sistem keselamatan mereka adalah lemah dan bukannya menggunakan peluang ini untuk menjenayahkan orang-orang berkenaan.

Isu sebegini, sebagai contoh, harus dibangkitkan di Parlimen jauh sebelum sebarang bentuk keputusan muktamad diambil mengenai undang-undang jenayah komputer sebagaimana yang dipraktikkan di Parlimen Malaysia masa kini, di mana apabila suatu rang undang-undang dibentangkan di Parlimen, menteri berkenaan akan menganggap sebarang pindaan yang dicadangkan oleh pihak Ahli-ahli Parlimen sama ada dari pihak kerajaan mahupun Pembangkang merupakan sesuatu yang menjatuhkan air mukanya.

Ini membawa kepada point keempat peranan Parlimen dalam memimpin rakyat jelata menuju ke masyarakat maklumat - iaitu menjadi teladan dengan menggunakan IT, memastikan bukan sahaja Ahli Parlimen menjadi celik komputer, tetapi membangunkan satu mindset dan budaya masyarakat maklumat mengenai pelajaran sepanjang hayat dan memiliki satu sikap terbuka untuk menerima idea-idea yang baik tanpa mengira asalnya - supaya Parlimen boleh menjadi Dewan yang benar-benar interaktif dari segi idea dan pandangan, yang bersangkut-paut serta mempengaruhi kehidupan orang ramai.

Semasa membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh di bulan Mei tahun lepas, saya telah mencadangkan supaya Parlimen membentuk satu jawatankuasa khas IT dan bahawa kerajaan harus membentangkan satu laporan kemajuan tahunan mengenai pembangunan IT di Malaysia, masalah yang dihadapi, cabaran yang dijangka dan sasaran yang ditetapkan, yang dapat dibahaskan di dalam Dewan ini demi memupuk kecelikan IT di kalangan rakyat jelata. Sampai sekarang saya masih lagi menunggu-nunggu tindak balas pihak kerajaan terhadap cadangan-cadangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tinggalkan tajuk IT, saya ingin membangkitkan di sini bahawa saya telah berulang kali mencadangkan, selaras dengan hasrat kerajaan supaya negara kita melangkah ke Era Maklumat, kerajaan harus menjadi pengguna contoh teknologi-teknologi maklumat dan komunikasi. Sebagai contoh saya telah mencadangkan supaya kerajaan mempamerkan semua rang undang-undang, bermula dengan kumpulan pertama Rang Undang-undang Siber, di Internet.

Bagaimanapun, kerajaan nampaknya tidak berhasrat untuk memulakan penggunaan teknologi-teknologi maklumat dan komunikasi baru ini dan langsung tidak berminat untuk menjadi pengguna contoh dan kerajaan mungkin mempunyai satu senarai panjang untuk menjelaskan sebab mengapa buat masa kini masih tidak mungkin bagi Malaysia untuk mempamerkan atau pos rang undang-undang di atas Internet.

Di dalam Era Maklumat, mindset yang sewajarnya bukan lagi mengenai sebab mengapa sesuatu perkara tidak mungkin dilakukan menerusi cara yang baru, tetapi mengapa ia tidak dapat dilakukan! Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata

“Malaysia harus mengambil - Malaysia boleh” sebagai motto kebangsaan, tetapi motto Jemaah Menteri nampaknya adalah “Mana boleh?”

Walau bagaimanapun, tidak ada sebab langsung mengapa rang undang-undang ataupun laporan-laporan kerajaan - sama ada yang nipis ataupun setebal beratus-ratus muka surat tidak dapat diposkan di Internet. Sebenarnya, sebagaimana yang telah saya nyatakan, adalah lebih mudah dan cepat untuk memposkan rang undang-undang ataupun laporan-laporan ke atas Internet dari melalui proses percetakan yang lama, kerana rang undang-undang ini sudah sedia dalam bentuk elektronik.

Saya pernah menjemput kerajaan mencipta sejarah dengan mempamerkan rang undang-undang ke atas Internet, tetapi Kementerian Tenaga Telekom dan Pos memilih untuk membelakangkan masa depan.

Oleh sebab kerajaan enggan mencipta sejarah, maka DAP akan mencipta sejarah dengan memposkan rang undang-undang yang pertama di atas Internet sebagai satu khidmat nasional membawa Malaysia selangkah ke arah Masyarakat Maklumat serta sebagai contoh dan mendemonstrasi kepada kerajaan bagaimana mudahnya semua ini boleh dilakukan.

Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini boleh didapati di Internet menerusi homepage DAP yang beralamat *<http://www.malaysia.net/dap>* ataupun di mirror site *<http://www.geocities.com/Tokyo/3399>*. [Tepuk]

Kerajaan sepatutnya dapat melakukan kerja ini, bukan DAP, tetapi kita buat perkhidmatan percuma, national service. Kerajaan sepatutnya dapat melakukan kerja

mempamerkan rang undang-undang di Internet lebih cepat dan tentu lebih cepat dari DAP kerana kerajaan memegang disket asal yang mengandungi bentuk elektronik rang undang-undang berkenaan manakala DAP tidak.

Tempat yang paling ideal untuk mempamerkan rang undang-undang semua yang dibentang dalam Parlimen ini sebenarnya adalah homepage Parlimen, yang bukan sahaja dapat menghidupkan homepage Parlimen ini, tetapi juga akan menjadikannya bermula interaktif.

Saya berharap mula sekarang kerajaan akan bersedia untuk memposkan Rang Undang-undang Tandatangan Digital ke atas Internet pada hari ini, tetapi sekiranya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos masih enggan menerima dan menggunakan teknologi maklumat serta komunikasi baru ini untuk membina mindset IT yang baru, maka DAP bersedia untuk terus melakukan khidmat nasional dengan memposkannya di Internet dan DAP akan memposkan Rang Undang-undang Tandatangan Digital di homepage kami untuk akses orang ramai sekiranya kerajaan tidak sanggup melakukan dalam masa 24 jam.

Semalam, dilaporkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan, akan membangkitkan sekali lagi di Jemaah Menteri mengenai kes Sufiah Yusof yang berumur 12 tahun, yang telah ditawarkan tempat menuntut di University Oxford untuk mengaji mata pelajaran Matematik dan yang telah mendapat tawaran biasiswa dari Jemaah Menteri.

Isu yang paling menyedihkan dalam episod yang mendapat publisiti luas mengenai child prodigy 12 tahun di United Kingdom ini bukannya fakta yang didedahkan seterusnya bahawa beliau sebenarnya warganegara Britain, tetapi adalah mengenai sistem pendidikan Malaysia yang tidak ada sebarang program yang dapat memuatkan budak-budak berbakat kita di dalam sekolah-sekolah kita sendiri dan tidak wujud juga sebarang rancangan untuk memperbetulkan kekosongan besar ini.

Dalam tahun 1976, seorang budak kecil dari Baling yang bernama Mohd. Sohkeri Hadafi yang datang dari keluarga miskin, telah dijadikan bahan cerita utama kerana dalam usia empat tahun sahaja beliau telah berupaya membaca dari surat khabar dan majalah. Tetapi pada hari ini budak berbakat yang kini berusia 25 tahun, hanya merupakan seorang penjual ayam di Baling setelah bekerja sebagaiburuh kasar selama dua tahun dari 1989-1991 serta penjual roti canai.

Kisah Hadafi merupakan satu kisah yang sedih di mana budak yang berbakat yang tidak dikenalpasti dari awal-awal lagi tidak diberi pendidikan dan pemupukan yang sesuai dan kini bakatnya telah atrophy. Kerugian ini bukan hanya dirasai oleh budak yang berbakat ini tetapi oleh negara pada keseluruhannya. Tidak ada ragu-ragu lagi bahawa sekiranya dasar dan program yang sesuai wujud untuk memupuk dan membangunkan bakat kanak-kanak di negara ini, Hadafi mungkin telah menjadi salah seorang dari pemimpin intelektual kita sama ada di sektor kerajaan, universiti ataupun di sektor swasta dan bukan menjadi penjual roti canai atau penjual ayam.

Sekiranya Malaysia ingin menjadi sebuah masyarakat berilmu ialah peringkat yang lebih tinggi daripada peringkat maklumat masyarakat ilmu, maka kita tidak harus menghidap sindrom Hadafi yang tidak ada sebarang rasa kehilangan apabila budak-budak berbakat kita tidak dipupuk dan dijaga dengan cara yang sesuai sungguhpun mereka ini merupakan aset kebangsaan yang paling penting dan tanpa berganti (irreplacable asset).

Seluruh negara harus sedar dan memberi perhatian yang sewajarnya mengenai fakta bhawa untuk beberapa dekad ini dasar serta sistem pendidikan negara kita telah gagal mengenalpasti, memupuk dan menggalakkan anak-anak berbakat kita. Malaysia tidak boleh menunggu lagi untuk publisiti yang meluas mengenai pencungkilan seorang lagi budak prodigy negara ini sama ada Sufiah Farooq yang berumur 12 tahun masuk Universiti Oxford atau Chiang Ti Ming yang mendapat tempat di California Institute of Technology pada tahun 1989 apabila beliau masih berusia 12 tahun dan kini sedang mengakhiri pengajian Ph.Dnya mengenai Particle Physics Super String Theory di Cornell University ataupun Loh Chang Shiung, seorang lagi budak berbakat yang menuntut di National University of Singapore dalam mata pelajaran Fizik, semua ini diheboh-hebohkan sebelum kita merasa sedih, sedih buat seketika ini tetapi tidak dilakukan sebarang usaha untuk menyelamatkan keadaan di mana beratus ribu budak berbakat Malaysia diabaikan di sekolah-sekolah kita.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan harus mengambil langkah segera untuk menubuhkan satu jabatan khas untuk budak-budak berbakat di kementerian beliau

supaya membentuk satu dasar dan program mengenai pendidikan budak berbakat demi memastikan bahawa tidak berlaku lagi sindrom Hadafi di Malaysia yang menjual ayam atau roti canai di gerai-gerai sungguhpun mereka sepatutnya berada di baris kepimpinan depan dalam renaissance intelektual negara ini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengakui bahawa kerajaan tidak berpengalaman di dalam pengurusan dan pendidikan budak-budak berbakat. Kekurangan pengalaman dan pengetahuan bukanlah satu jenayah sungguhpun meneruskan sikap tidak berpengetahuan ini sehinggakan budak-budak berbakat kita yang sepatutnya menjadi aset kebangsaan dan memerlukan program pendidikan yang agak berbeza untuk memupuk dan merangsangkan bakat mereka terus diabaikan merupakan satu tanda hitam ke atas para perancang dan pihak berkuasa pendidikan negara ini khasnya memandangkan dalam beberapa dekad ini pembangunan dan perubahan banyak berlaku di serata dunia atas bidang ini.

Wujudnya tiga falasi mengenai pentingnya isu pendidikan untuk budak-budak berbakat di Malaysia yang pada umumnya wujud pada pemikiran para opinion makers di Malaysia, antaranya termasuklah ahli-ahli dalam Jemaah Menteri dan penulis-penulis editorial, iaitu:

- pertama sekali, ia bererti pemindahan sumber-sumber kepada ‘one-in-a million occurrence’ ataupun ‘the brilliant few’;

- kedua, ia bertentangan dengan objektif 'equalisation' sistem pendidikan kita untuk membekalkan pendidikan kepada orang ramai dan bukannya kepada beberapa orang yang berbakat; dan
- ketiga, pemupukan dan perangsangan bakat budak-budak kita tidak membawa sebarang keuntungan nasional.

Sekiranya pandangan-pandangan ini diamalkan, maka jemaah menteri tidak harus menawarkan biasiswa kepada Sufiah Farooq khasnya beliau bukan seorang warganegara Malaysia. Pada hakikatnya apabila kita merujuk kepada budak-budak berbakat, kita bukan berbincang soal 'one-in-a million' kerana mengikut anggaran seorang pakar psikologi sosial dari Universiti Malaya, Prof. Dr. Chiam Heng Keng, negara ini mempunyai lebih kurang 300,000 budak yang berbakat secara intelektual di sekolah-sekolah rendah seluruh negara, sungguhpun geniuses sebenarnya tidaklah seramai itu.

Pembangunan dan pemupukan pendidikan untuk budak-budak berbakat di lain-lain negara juga sama menghadapi bantahan dan rintangan yang muncul hasil perbahasan yang menukarkan isu sebenar menjadi satu isu masalah kualiti melawan kecemerlangan - Quality v. Excellence. Bagaimanapun, banyak daripada negara-negara ini telah menyedari bahawa kita tidak harus mengaburkan di antara keadilan dan hak, serta peluang-peluang untuk keadilan dalam segi kebolehan serta keadilan dalam segi pencapaian dan menyedari serta mengakui budak-budak berbakat ini memang mempunyai keperluan yang khas supaya bakat-bakat mereka ini tidak disia-siakan.

Yang penting sekali, negara kita perlu mengakui dan menyedari bahawa budak-budak berbakat merupakan aset paling bernilai kepada negara ini dan adalah selaras dengan kepentingan negara untuk menggalakkan budak-budak ini menunaikan potensi mereka serta mencapai kecemerlangan. Ini lebih penting lagi memandangkan Malaysia kini mencapai pinggir milenium baru dan berkomited untuk berdiri di baris depan revolusi teknologi maklumat di mana ilmu merupakan faktor produksi pesaing yang paling kritikal dalam sistem pencipta kekayaan yang baru ini.

Kita harus sedar bahawa dalam era maklumat, negara-negara bukan sahaja perlu bersaing melalui produk dan perkhidmatan mereka tetapi lebih penting lagi perlu bersaing dalam bentuk kecerdikan. Inilah sebab mengapa Malaysia mesti melihat perkara ini sebagai satu keutamaan kebangsaan untuk mengenalpasti, menjaga, membangun dan menggunkaan bakat-bakat kita demi menentukan kedudukan daya pesaing negara kita dalam era maklumat.

Sebenarnya boleh dikatakan bahawa hasrat negara kita untuk menangani bidang yang lama terabai mengenai pendidikan budak-budak berbakat ini akan menjadi kes ujian sama ada kita bersedia untuk memasuki masyarakat maklumat di mana negara akan bergantung kepada ilmu untuk memastikan kemajuan dan daya saingan mereka di pasaran dunia.

Malaysia sepatutnya berhenti dari terus mengabaikan malah salah pendidikan (miseducation) budak-budak berbakat kita selaras dengan dua objektif besar iaitu

menggalakkan kecemerlangan di dalam pendidikan serta membina sebuah negara yang bertenaga kerja berilmu demi membuat persediaan menghadapi era maklumat.

Jemaah Menteri bolehlah bermula dengan cara kecil dengan meluluskan satu peruntukan khas sebanyak RM20 juta untuk memulakan satu program pendidikan untuk budak-budak berbakat di Malaysia dan sekiranya perlu meminda Akta pendidikan 1996 untuk kali yang kedua - pindaan pertama patut untuk memasukkan kecelikan komputer sebagai mata pelajaran wajib untuk semua sekolah rendah dan menengah supaya memasuki peruntukan pendidikan untuk kanak-kanak berbakat.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri telah memberikan satu jawapan yang sungguh tidak memuaskan mengenai isu RM2.4 juta tunai - RM2.4 juta yang didapati pada diri Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Taib di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane pada 22 Disember 1996, di mana beliau telah ditahan dan didakwa di mahkamah magistret pada hari seterusnya kerana melanggar undang-undang Australia yang mewajibkan sesiapa yang meninggalkan negara berkenaan yang membawa lebih dari A\$5,000 untuk membuat pengisytiharan.

Beliau tidak dapat menjawab sama ada Badan Pencegah Rasuah telah menyoal siasat Tan Sri Muhamad Taib, sama ada BPR telah bertindak terhadap laporan Brisbane Courier Mail yang melaporkan pada 31hb. Disember tahun lepas, yang telah saya hantarkan kepada Ketua Pengarah BPR, yang bertentangan dengan apa yang dijelaskan

secara terbuka oleh Menteri Besar Selangor mengenai sumber dan asal RM2.4 juta berkenaan.

Dan sebab mengapa BPR keberatan untuk menghantar sepasukan penyiasat ke Brisbane untuk mengesahkan Laporan Brisbane Courier Mail ini.

Semalam, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri berkata bahawa tiada sesiapa yang harus menyuarakan pendapat terhadap kes Muhammad Taib memandangkan kes ini masih berada dalam Mahkamah Brisbane dan kes ini belum berakhir memandangkan keputusan mahkamah belum diambil.

Kenyataan sebegini amatlah tidak benar. Rakyat Malaysia tidak begitu berminat langsung tentang keputusan Mahkamah Brisbane kerana persoalan asal.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjung Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang ke berapa, Yang Berhormat?

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(2).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sebutkan.

Tuan Noh bin Omar: *“Tidak boleh disebut apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah sekiranya pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu.”* Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya memberi dua sebab mengapa kita tidak benarkan Dewan yang mulia ini disalahgunakan.

Yang pertama, ini subjudice. Tadi, Yang Berhormat dari Tanjong bercakap panjang fasal Internet. Hari ini dia bercakap, lagi setengah jam berita ini sampai ke Australia. Jadi, kita tidak mahu keputusan mahkamah nanti boleh dipengaruhi oleh apa yang dibincangkan di dalam Dewan ini.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, katalah kalau dia bukan subjudice sekalipun, saya percaya Peraturan 36(2) ini dibuat, kita berpegang kepada prinsip undang-undang. Seseorang itu tidak boleh dianggap bersalah melainkan telah terbukti kesalahannya. Sudah banyak bukti Tuan Yang di-Pertua, DAP mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini mengambil kesempatan....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....nanti. Yang Berhormat, sabar.

Tuan Noh bin Omar:untuk membangkitkan perkara mengenai kepimpinan dalam Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat... Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Biasanya Yang Berhormat, saya izinkan Yang Berhormat bangkitkan Peraturan Mesyuarat. Kalau boleh, huraikan serba ringkas dan saya tidak nampak ini bukan satu forum untuk mana-mana Ahli untuk menghuraikannya panjang lebar. Balik kepada Peraturan Mesyuarat 36(2), saya rasa tak kena. Walaupun Yang Berhormat ada contoh-contoh ataupun peristiwa-peristiwa lepas yang mungkin Yang Berhormat hendak bangkitkan, tetapi saya rasa ini bukan masanya.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini hulubalang Menteri Besar yang mahu jadi pembela. Harap ada peluang untuk promotion di masa depan, boleh jadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong, saya ingin juga hendak ingatkan Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat kelmarin itu saya faham memang dibangkitkan dan tak payahlah Yang Berhormat ungkit-ungkitkan ketidakpuasan hati Yang Berhormat tentang jawapan yang diberi itu sebab saya rasa kalaulah setiap orang Ahli bangkitkan soalan yang tidak dapat dijawab dengan sempurna ataupun tidak memuaskan, tidak ada kesudahannya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Masalahnya bukan ada kesudahan atau tidak. Tidak ada kesudahan, sama ada masa ini ialah masa yang tepat untuk membangkitkan perkara semacam ini. Tentulah kita tidak puas hati. Mungkin Tuan Yang di-Pertua puas hati, itu pendapat yang berbeza.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan libatkan kerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, okay. Ini sebenarnya satu kes melibatkan integriti, kewibawaan kerajaan dan ada mengatakan ini subjudice - kes luar negara. Nampaknya subjudice tidak extra territoriality.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan?

Tuan Noh bin Omar: Boleh?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh! Mahu penjelasan, boleh.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Tanjong, tadi Yang Berhormat dari Tanjong bangkitkan seolah-olah tidak puas hati dengan keputusan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semalam. Semalam juga Ahli DAP dari Jelutong ada meminta supaya Menteri Besar letak jawatan.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya pula mencadangkan supaya Yang Berhormat dari Kota Melaka juga sekiranya sedang dibicarakan di mahkamah, dia juga mesti letak jawatan. Itulah baru gentleman! Janganlah tengok salah orang sahaja! Okay?

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Tanjong Karang pun tentu boleh buat apa-apa cadangan. Kita tidak sekat dan kita tidak tahan. Kita tidak kata subjudice. Cadangan-cadangan yang begitu bodoh pun boleh dikemukakan. Tak apa, tidak ada halangan!

Tuan Noh bin Omar: Yang Berhormat, saya tadi hendak minta penjelasan....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya rasa itu cukuplah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, nanti...

Tuan Noh bin Omar: Tidak, saya hendak minta penjelasan, Yang Berhormat, setuju tak dengan cadangan saya tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Saya bersetuju, boleh. Kalau Yang Berhormat mahu buat cadangan yang bodoh, boleh buat! Saya setuju, boleh buat!

Tuan Noh bin Omar: Jadi bermakna, semalam cadangan dari Jelutong itu bodohlah?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu tunjuk beliau sendiri bodoh, itu hak kebebasan sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong diingatkan cuba elakkan penggunaan perkataan bodoh.

Tuan Lim Kit Siang: Dia tak bodoh, mungkin cadangan itu bodoh!

Tuan Noh bin Omar: Tidak, macam soalan Jelutong semalam, bodohlah!

Tuan Lim Kit Siang: Dia pandai...dia pandai!

Tuan Noh bin Omar: Bila minta suruh Menteri Besar letak jawatan, itu soalan yang bodoh! Sekarang saya hendak tanya....

Tuan Lim Kit Siang: Itu anggapan setiap orang. Kita ada opinion pool. Tengok itu bodoh atau tidak bodoh! Beranikah?

Tuan Noh bin Omar: Ha, sama negeri, itulah bodoh! Jadi, DAP pun dari golongan bodoh jugalah?

Tuan Lim Kit Siang: Ha, saya cabar!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah Yang Berhormat, tertib.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya teruskan. Sebenarnya saya mahu menjelaskan kenapa dan apa yang rakyat berminat. Rakyat Malaysia tidak begitu berminat langsung tentang keputusan Mahkamah Brisbane kerana persoalan asal sumber dan kegunaan RM2.4 juta yang didapati di atas diri Muhammad Taib, beliau sendiri mengaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane sebelum beliau berlepas ke New Zealand, khasnya memandangkan Muhammad Taib telah mengakui secara terbuka bahawa wang tunai berkenaan memang kepunyaannya dan ada di dalam badannya dan penjelasan-penjelasan seterusnya yang diberikannya itu telah membangkitkan lebih banyak persoalan dari membekalkan jawapan.

Muhammad Taib berkata bahawa RM2.4 juta berkenaan itu adalah....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti...nanti.

Tuan Noh bin Omar: Eh, point of order, tak tahukah? Duduklah, ini point of order!

Tuan Lim Kit Siang: Apa point of order?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar!

Tuan Noh bin Omar: Apa, itu hak sayalah!

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, tak boleh!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Tuan Noh bin Omar: Peraturan Mesyuarat!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Peraturan Mesyuarat!

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Noh bin Omar: Dengarlah dahulu saya cakap! Apa ini, bodohkah? Tak tahukah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, saya akan putuskan.

Tuan Noh bin Omar: Tua sahaja dalam Parlimen, tak tahu undang-undang!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jangan gunakan perkataan unparliamentary.

Tuan Noh bin Omar: Dia yang mula, saya cakap dengan gentleman, steady lah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Tuan Noh bin Omar: Peraturan Mesyuarat....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, yang ke berapa?

Tuan Noh bin Omar: Okay, Peraturan Mesyuarat 36(10)(c). Ini sebab dia beri penerangan pun salah tadi, saya hendak betulkan yang dia kata....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jangan huraikan, Yang Berhormat, sebutkan sahaja.

Tuan Noh bin Omar: Okay, 36(10)(c), baik. Peraturan Mesyuarat 36(10)(c), “*Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuh-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau...*”

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Noh bin Omar: Eh, dengarlah dahulu! Apa ini, bodoh, tak tahukah? “*...atau melanggar mana-mana syarat....*”

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Tuan Noh bin Omar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Diingatkan Yang Berhormat, perkataan bodoh itu jangan digunakan walaupun kadangkala sengaja dirujuk kepada benda yang lain, bukan kepada Ahli yang lain. Jadi, janganlah!

Tuan Noh bin Omar: Okay, saya tarik balik...saya tarik balik. Mana tadi, sudah hilang. “*...di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan.*”

Ini izinkan saya huraikan sedikit mengapa saya timbulkan Peraturan Mesyuarat 36(10)(c) ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab....

Tuan Lim Kit Siang: Ini buang masa!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat...
Yang Berhormat Tanjong, sabar!

Tuan Noh bin Omar: Sebab dia menghina orang Melayu ini.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, tak boleh dilayan. Buang masa!

Tuan Noh bin Omar: Dia menghina orang Melayu sebab Menteri Besar mengatakan duit itu duit keluarga dia!

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

Tuan Noh bin Omar: Beri saya beri penerangan, orang biasa timbulkan isu ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Cukup jelas, Yang Berhormat. 36(10)(c) ya, cukup jelas dan saya akan buat keputusan. Yang Berhormat duduk.

Tuan Noh bin Omar: Jawapannya betul, dia boleh cakap? Ini bukan menghina orang Melayukah? Dia satu keluarga bawa RM2.4 juta ini, duit satu keluarga. Dia tadi mengatakan duit Menteri Besar....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya takkan mengulangi apa yang telah dikatakan tadi, Yang Berhormat. Saya akan buat keputusan sekarang.

Ini bersabit dengan Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan iaitu 36(10)(c) saya tidak nampak sebarang unsur kaum yang terlibat, tetapi Yang Berhormat Tanjong diingatkan kes ini sebab masih dalam proses perbicaraan di luar negeri. Walaupun di luar negeri, tapi saya rasa Yang Berhormat ya, tahulah Yang Berhormat ada had batasnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menegaskan di sini, bukan tujuan saya untuk menghina orang Melayu. Mana saya menghina orang Melayu. Kalau seorang Melayu korup, saya akan menghina orang Melayu, kalau begitu orang yang korup dia sebenarnya menghina kaum Melayu, bukan lain orang. Itulah sikap yang tidak bertanggungjawab. Ini satu sikap yang tidak patut dibenarkan, patut disanction.

Tuan Noh bin Omar: Saya nak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang kedua, nanti.....

Tuan Noh bin Omar: Saya nak minta penjelasan, bagi saya. Dia mengelirukan Dewan. Menteri Besar tidak kata duit dia sendiri, itu duit keluarga dia. Dia mengelirukan Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu beri masa pada orang yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong, jangan ulas, kalau tak bagi jalan, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Kedua.....

Tuan Noh bin Omar: Tetapi jangan mengelirukan Dewan daripada kenyataan yang dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Kedua, apa yang saya bincang mengenai sebenarnya bukan masalah di dalam mahkamah di Brisbane. Mengenai ia tidak declare - itulah case. Sebenarnya saya pun boleh bincang dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana ini ialah

Malaysia. Itu Australia, kita tidak ada extradition untuk charges atau perbincangan mahkamah-mahkamah, tetapi saya tidak. Oleh kerana apa rakyat berminat bukan outcome case itu sama ada dia declare atau tidak declare, dia sudah sendiri mengakui, tak payah bincang. Apa yang kita berminat ialah itu duit dari mana untuk siapa?
[Disampuk] Itu bukan taruh dalam mahkamah

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya kata tadi, dia menghina orang Melayu. Apa orang Melayu ada 2.4 juta ini....apa.....*[Pembesar suara dimatikan]*.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu teruskan, saya mahu teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, biarpun Yang Berhormat mungkin rasa tersinggung tetapi Yang Berhormat bawalah diri dengan seelok-eloknya.

Tuan Lim Kit Siang: . Saya mahu teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat itu tetap ada.

Tuan Lim Kit Siang: Ya saya mahu teruskan. Rakyat tidak berminat langsung tentang keputusan mahkamah di Brisbane - apa keputusan, tak mustahak kerana apa yang mereka berminat ialah soal asal sumber kegunaan RM2.4 juta itu. Dan Muhammad Taib berkata bahawa RM2.4 juta itu adalah kepunyaan saudaranya, untuk tujuan

membeli hartanah di Gold Coast, Brisbane untuk kegunaan anak-anak mereka supaya mereka ada tempat tinggal apabila melanjutkan pelajaran di Australia kelak.

Muhammad Taib berkata bahawa beliau telah pergi ke Gold Coast untuk menguruskan urusan hartanah bagi pihak saudaranya Datuk Osman dan Datuk Redzuan, tetapi terpaksa membawa pulang wang berkenaan kerana kedua-dua saudaranya itu tidak dapat menandatangani surat perjanjian pembelian yang mana merupakan satu penjelasan yang sungguh menakjubkan kerana ini tidak selaras dengan kenyataan Muhammad Taib bahawa kedua-dua saudaranya tidak bersama-sama pergi ke Brisbane kerana anak-anak mereka sedang bersiap sedia untuk berkahwin.

Saya tidak akan bertanya di sini sebab mengapa seorang pemimpin UMNO Tertinggi dari pasukan Wawasan dan seorang pencipta terma Melayu baru bukan sahaja tidak berkeyakinan terhadap Malaysia serta sistem pendidikan Malaysia mana lebih buruk lagi memilih sebuah tempat yang boleh dikata redneck area seperti Gold Coast, Brisbane dan bukannya pusat-pusat pendidikan yang lebih cemerlang di Australia untuk mendapatkan pendidikan tinggi. Apa yang Parlimen berhak tahu adalah ketidakselarasan yang bangkit dari penjelasan Muhammad Taib mengenai asal sumber kegunaan RM2.4 juta tunai ini.

Brisbane Courier Mail bertarikh Disember 31, 1996 di mana saya telah menghantar satu salinan kepada Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafie Yahya telah menyiarkan tajuk ini dan ini apa yang kita mahu tahu. *[menunjukkan keratan surat khabar]*

“MP’s 1.2 million property purchase” sebenarnya itu MB-lah- kesilapan.

Dan apa yang tercatat di dalam laporan ini antara lain ialah dengan izin:

“It had been believed the money was intended to purchase furniture and fittings for Muhammad’s new Gold Coast home. A near completed house in Sovereign Islands is built on land registered to Muhammad’s wife Asbi Rohani binti Asnan. The 740 sq.m lot was purchase in June...”

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, nanti sekejap, Tanjong Karang nak bercakap.

Tuan Noh bin Omar: Saya nak minta penjelasan. Itu statement yang dibaca itu, saya ada baca itu, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti.....nanti.

Tuan Noh bin Omar: Itu statement itu, dia baca surat khabar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia janji nak bagi.....

Tuan Lim Kit Siang: Nanti.....nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nak bagi laluan.

Tuan Lim Kit Siang: Habis ini saya boleh bagi....

“The 740 sq.m lot was purchased in June for A\$459,000. Muhammad is believed to have contracted Gold Coast builder, Eric Roth to build a house. Mr. Roth said yesterday, he met the owner of the house earlier this month, a man he

presumed to be Muhammad - but has otherwise dealt with Gold Coast solicitor Robert Lehn.

“Everything I’m doing, I’m not actually doing with him, (Muhammad), I’m dealing directly with the lawyers” , he said.

“I’ve only met the guy (Muhammad) once, the owner, and Robert Lehn of course I have constant negotiations with.....but everything goes through his trust account and is paid by cheque to me. I go down and pick it up and deposit it in my account.

“I don’t know about anything else and I don’t want to get involved”.

“Mr. Lehn, who Mr. Roth said has the power of attorney for the owner of the house, refused to comment”.

Persoalan yang harus dijawab oleh BPR adalah, mengapakah ia merasa begitu sukar untuk mengesahkan faktor yang diberikan oleh laporan Brisbane Courier Mail ini? Iaitu sama ada Muhammad telah membeli sebidang tanah di Gold Coast dengan sebuah rumah yang hampir siap dibina di Sovereign Island yang terletak lebih kurang 20 km dari Surfers Paradise, the City of Gold Coast, dan sama ada Muhammad Taib telah memperdayakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan negara pada keseluruhannya, dengan penjelasan terbuka nya itu.

Cara BPR menangani kes RM2.4 juta tunai Muhammad Taib ini akan menentukan sama ada ia memiliki kebebasan bertindak selepas ucapan Perdana Menteri di Mesyuarat Agung UMNO Oktober lalu di mana beliau mencurahkan air mata sambil

menyeru supaya diadakan suatu perang menentang politik wang serta korupsi di peringkat tinggi untuk menyelamatkan negara dari hancur .

Baru baru ini terdapat laporan yang mengatakan bahawa Cawangan Jabatan Narkotik Polis Persekutuan telah merampas wang tunai 1.2 juta ringgit serta hartanah termasuk tiga buah rumah dan tiga kereta dari seorang lelaki berumur 48 tahun kerana disyaki membeli semua itu dengan wangnya yang didapati dari penjualan dadah.

Perampasan hartanah ini yang dilakukan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perampasan Hartanah) 1988 di mana pemilik hartanahnya mempunyai masa tiga bulan untuk membuktikan bahawa beliau membeli rumah dan kereta-kereta berkenaan melalui cara yang sah. Dan juga dilaporkan bahawa pihak polis telah merampas hartanah yang bernilai lebih dari RM51.83 juta antaranya termasuk 20 rumah, 19 hektar tanah, kenderaan, barang-barang kemas dan wang tunai sejak Akta Dadah Berbahaya (Perampasan Hartanah) diluluskan pada tahun 1988.

Pertanyaan yang sudah tentunya akan muncul di pemikiran rakyat Malaysia yang terbaca laporan ini adalah, bilakah BPR akan mendapat kuasa untuk merampas harta-harta yang diperolehi menerusi cara yang tidak sah yang melibatkan pegawai-pegawai atasan kerajaan serta politik hasil dari kegiatan rasuah, yang langsung tidak selaras dengan sumber pendapatan mereka yang sah. Dan yang tidak dijelaskan sumber asalnya aset-aset berkenaan.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini telah menyatakan bahawa pindaan akan dibuat terhadap Akta Pencegah Rasuah. Adakah Rang Undang-

undang untuk meminda Akta Pencegah Rasuah ini akan dibentangkan di mesyuarat kali ini dan adakah ia mengandungi kuasa untuk merampas asset pemimpin-pemimpin kerajaan dan politik peringkat atasan yang tidak selaras dengan sumber pendapatan sah mereka dan tidak dapat dijelaskan asal usul aset berkenaan dan membuktikan semuanya diperolehi melalui cara yang sah.

Yang Amat Berhormat, Perdana Menteri di dalam ucapan yang mengharukan di Mesyuarat Agung UMNO pernah berkata bahawa rasuah adalah lebih buruk dari dadah. Dan sekiranya ini benar, maka sekurang-kurangnya BPR harus diberikan kuasa yang sama seperti Jabatan Narkotik untuk merampas pendapatan dan kekayaan yang didapati menerusi cara tidak sah yang ada pada pegawai-pegawai politik dan kerajaan. Malang sekali pada masa ini BPR tidak memiliki sebarang kuasa bebas untuk bertindak 'without fear or favour' demi mendukung undang-undang mencegah rasuah khasnya yang berlaku di peringkat tinggi politik negara ini. Ini juga sebab mengapa kedudukan Malaysia dalam indeks persepsi rasuah antarabangsa *transparensi international* begitu rendah. Jatuh dari nombor 23 di kalangan 41 negara yang dikaji pada tahun 1995 menjadi nombor 26 di kalangan 54 negara dikaji dalam tahun 1996.

Salah satu tanggungjawab utama BPR adalah untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam indeks persepsi rasuah antarabangsa TI 1997 supaya kita maju ke senarai dalam 20 negara paling tidak korupsi dunia. Bagaimanapun sekiranya cara BPR menangani kes RM2.4 juta tunai Muhammad Taib ini memperkukuhkan persepsi masyarakat tempatan dan antarabangsa bahawa BPR tidak berkuasa langsung untuk menjalankan penyiasatan bebas dalam kes-kes yang melibatkan pemimpin-pemimpin politik, maka kedudukan Malaysia dalam indeks persepsi rasuah antarabangsa *Transparency International* 1997 kini sudah tentunya akan jatuh lebih rendah

dari kedudukan yang sebelumnya, dan ini adalah satu yang sungguh memalukan untuk Malaysia amnya dan BPR khususnya.

Untuk menunjukkan bahawa kerajaan memang serius dalam usaha menentang korupsi yang berlaku di peringkat tinggi, saya di sini menyeru supaya pihak berkenaan membentangkan satu kertas putih di Parlimen mengenai hasil siasatan BPR atas isu sumber asal dan kegunaan RM2.4 juta tunai yang didapati pada Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Taib di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane pada 22hb. Disember, 1996. Saya mahu masuk tajuk yang lain, kalau mahu minta penjelasan saya boleh beri jalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat dari Tanjong, saya mendengar hujah Yang Berhormat berkenaan kes ini daripada mula tadi. Yang Berhormat mengatakan bahawa jawapan yang telah dibuat oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri tidak memuaskan. Dalam hujah Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat kata kita tidak ambil kira soal mahkamah dipimpin. Jadi, tidak ada perkara yang bangkit subjudice apa-apa pun. Soalnya sekarang kita hendak tahu sumber wang itu. Kalau saya boleh baca jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen, iaitu yang mengatakan “walau bagaimanapun, siasatan ke atas kes ini masih belum selesai.” Jawapan kepada soalan yang dibangkitkan akan dapat diketahui oleh BPR setelah siasatan selesai sepenuhnya.

Apa Yang Berhormat tidak puasnyanya, saya hendak tahu dengan jawapan ini, kerana dia belum selesai lagi. Memang kita jawab belum selesai lagi, jadi apa yang tidak puas?

Tuan Lim Kit Siang: Tiga bulan sudah berlepas. Kita ada era maklumat, sangat cepat, pantas semua perkembangan. *[Ketawa]* Tetapi siasat korupsi mahu 10 tahun, 20 tahun, bukan sepanjang hayat.

Seorang Ahli: Perwaja!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak faham Akta Pencegah Rasuah. Sebab kita semua tahu, Yang Berhormat pun Peguam, iaitu kalau kita didapati mempunyai wang, itu belum tentu kita bersalah, kerana kita hendak dapatkan wang itu dahulu sumber dia. Dan sumber ini pula hendak kena dibuktikan, iaitu sebagai satu faktor wang itu dapati daripada - dan faktornya boleh mempengaruhi keputusan dan lain-lain lagi. Jadi, ini bukan satu perkara yang mudah, kita hendak siasat. Jadi, bagi masa sedikitlah, janganlah tidak sabar. Sebab kalau Yang Berhormat buat macam ini, nanti anti Rasuah pun tidak confident hendak siasat benda ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bersetuju. Ada wang bukan bererti wang itu dari sumber korupsi, benar. Tetapi kalau seorang ada wang yang lebih daripada pendapatan yang kita semua tahu, luar biasa bukan sahaja untuk rumah di kediaman di Gold Coast, Brisbane, Sovereign Island, tetapi berjuta-juta, RM16 juta untuk nikah, divorce proceeding, lagi ada berpuluh-puluh juta ringgit bayar sini, bayar sana, tentulah rakyat mahu tahu duit itu dari mana.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi itu hal yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya habis ini dahulu. Saya setuju. Sungguhpun begitu, sungguhpun Mohammad Taib mengakui ada RM20 juta, ini tidak bersih, tidak bererti bahawa beliau korup, duit itu dari corrupt means. Tetapi yang pertama, beliau ada tanggungjawab sebagai seorang pemimpin tinggi dalam satu parti yang mahu membanteraskan korupsi money politic untuk menunjukkan duit itu dari mana. Alright, datang ke ACA, BPR. Kita tahu BPR untuk menjalankan siasatan mahu ambil masa. Tetapi adakah kes ini sangat sukar, complicated, complex atau sangat simple. Duit RM20 juta akui ada, okay. Sekarang apa asal punca. Yang pertama.....

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya beri....

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Cara yang mudah....saya belum habis dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tunggu, take your turn. Lain kali jadi timbalan menteri you have your priority. *[Ketawa]*

Tuan Noh bin Omar: Saya ada chance tahu! *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu, tidak ada chance jadi timbalan menteri lah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan tawar-menawarlah, kalau hendak beri jalan, berilah terus.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya beri, tetapi dia tidak mahu, dia mahu beri pada Timbalan Menteri lebih tinggi.

Seorang Ahli: Hijack!

Tuan Lim Kit Siang: Tentu kes mahu siasat sangat simple untuk pergi soal siasat Muhammad Taib. Adakah ini dibuat? Selalu kita baca dalam surat khabar ada soal siasat orang itu, kes ini siasat, tetapi dalam kes ini

tidak berani buat apa-apa kenyataan atau penjelasan. Sama ada kes ini dimulakan atau fail ini dibuka sahaja. Buka fail, tetapi kita tidak tahu. Kita mahu tahu tahap - kita tidak mahu tahu apa keputusan kalau keputusan belum dibuat. Tetapi kita mahu tahu sekurang-kurangnya apa tahap penyiasaan. Adakah bukan sahaja fail dibuka, tetapi tindakan diambil di mana Menteri Besar ada disoal siasat. Kalau ada disoal siasat, berapa kali. Kalau ini pun tidak berani untuk mengumumkan, apa guna BPR. Lebih baik tutup BPR. Tak guna, tiada kewibawaan. Itu kita mahu tahu sama ada

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, belum habis. *[Ketawa]*

Tuan Noh bin Omar: Apa ini, belum siasat.....

Tuan Lim Kit Siang: Mana ada kewibawaan. Itu yang pertama, baik.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Timbalan Menteri bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu, saya beri jalan. Bila selesai baru kita datang kepada Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, kita semua tahu bahawa di Malaysia ini, dengan izin, ‘everybody is equal before the law.’ Jadi, nampaknya Yang Berhormat, oleh kerana Menteri Besar ini, dia Menteri Besar, maka siasatan ke atas dia hendak dilaporkan di tahap-tahap mana. Tetapi kepada orang yang biasa yang disiasat dia tidak perlu. Ini double standard. Everybody should be equal. Jangan kerana dia Menteri Besar, pegang jawatan tinggi, maka dia kena diberikan setiap minute by minute laporan harus dibuat oleh ACA terhadap dia, tak bolehlah. It is not fair. Jadi, kita sudah kata di sini, siasatan sudah berjalan. Makna siasatan sudah buka faillah itu. Kita kata di sini iaitu jawapan kepada soalan yang dibangkit akan dapat diketahui oleh BPR setelah siasatan selesai sepenuhnya, kita akan beri selepas ini, sabar sahajalah. Untuk mengatakan bahawa jawapan tidak ada standard, that is not fair, sebab siasatan sedang berjalan.

Tuan Lim Kit Siang: Setiap soalan yang diberikan tentulah rela diuji, sama ada fair atau satisfactory atau tidak. Ini patut diterima. Apa guna kita dapat satu jaminan, bila siasatan habis akan diberikan. Tadi saya bertanya. Bila kata “dalam siasatan”, apa ertinya buka fail, panggil office boy buka fail, nama Mohamad Taib RM2.4 juta.

Dan satu tahun kemudian, ‘close file’. Datang ke Parlimen kata: “Siasatan sudah dijalankan dan tidak ada kes.” File closed! Apa yang kita mahu, saya setuju, ‘equality

of law' bukan bererti bahawa seinci siasatan sesaat, seminit siasatan BPR perlu diumumkan kepada orang ramai, tetapi apabila Dewan yang mulia ini bermesyuarat, apabila soalan dikemukakan oleh Ahli Parlimen mengenai progres, perkembangan satu siasatan, kita mahu dapat satu jawapan bukan mengenai isi kandungan mengenai semua perkara, benda, tetapi apa yang berlaku, sama ada siapa yang ada disoal siasat, kalau Menteri Besar, berapa kali, kenapa ini tidak boleh diberitahu? Selain daripada tidak berlaku, tidak disoal siasat langsung. Oleh kerana, saya kata, tiga bulan sudah lepas, kes ini sangat simple, bukan sangat complicated, mahu elektronik maklumat, RM2 juta soalan ialah RM2 juta dalam badan Menteri Besar Selangor, tujuan asalnya, tanya Menteri Besar, soal siasat satu session, kalau tak cukup dua session, tiga session.

Kalau BPR terima penjelasan keterangan Menteri Besar - kes tutup. Tidak! Kenapa? Sebab itu, kita mahu tahu, adakah oleh kerana tidak disoal siasat Menteri Besar. Tak berani soal siasat Menteri Besar oleh kerana UMNO Supreme Council kata, kita terimalah penjelasan Muhammad Taib, itulah satu arahan, satu signal sangat clear kepada BPR. BPR mahu terima signal bukan daripada siapa - UMNO. UMNO kata kita puas hati, cukup puas hatilah, corrupt, tak corrupt - tak apalah. Ini sangat simple, sebab itu tiga bulan masa yang sangat panjang untuk kes semacam ini, bukan mahu cari. Ada RM20 juta, dari mana? Brisbane Mail Courier ada laporan dikeluarkan yang contradict, penjelasan yang dibuat oleh Menteri Besar, kenapa Menteri Besar tidak mahu beri penjelasan, tak mahu ambil tindakan sue Brisbane Courier - takut! *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Dalam apa-apa perkara Menteri Besar atau sesiapa juga, sangat cepat. Oh! mahu penjelasan, ini tak betul, ini tak benar! Kenapa Brisbane Courier Mail laporan yang keluar, yang mengatakan wang Muhammad Taib itu sebenarnya untuk tujuan sendiri, untuk rumah sendiri, beliau tidak mahu buat apa-apa penjelasan? Tak tahu, oh! Mungkin dia tak tahu.

Kalau dia tak tahu, kita terima. Tetapi dalam bulan Februari, apabila saya dedahkan perkara ini dan umumkan laporan ini patut dia tahu dan saya menghantarkan laporan ini kepada BPR. BPR adakah tanya Muhammad Taib? Tak ada! Sebab itu, janganlah mahu Parlimen atau rakyat terima sebulat-bulat, apa pentadbiran kerajaan kata, 'kita dalam proses siasatan, fail sudah buka' - cukup! Tak cukup. Mungkin untuk Ahli-ahli Parlimen atau pemimpin-pemimpin Barisan Nasional itu cukuplah 'fail buka'. Enam bulan fail tutup, tak adalah tindakan. Ini main-main sahaja. Kalau begitu, ini satu ujian kepada BPR, satu ujian kepada Kerajaan Barisan Nasional, satu ujian sama ada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam UMNO General Assembly bulan Oktober lalu ialah akan diikuti dengan tindakan yang bererti. Lagi mahu?

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Boleh!

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang ini dia selalu memikirkan perkara yang negatif. Dia tadi mempersoalkan di mana duit RM2.4 juta. Kita semua sudah tahu, Menteri Besar datang, itu duit keluarga dia. Saya kata, saya rasa terhina bila dipersoalkan perkara ini, apakah salah sebagai seorang pemimpin di mana

keluarganya yang ada public listed company mempunyai cash money dalam RM2.4 dan saya hendak cabar DAP, saya cabar ini, tolong siasat latar belakang Menteri Besar Selangor sebelum dia menjadi Menteri Besar. Apakah dia ini seorang yang miskin atau dia sudah memang ada harta sebelum dia jadi Menteri Besar?

Jangan hendak tengok semasa dia pegang jawatan. Kalau macam itu susahlah kita! Kalau kata, kita sebagai politician, sebelum jadi politician kita sudah memang ada harta, tiba-tiba kita kaya, kita ada bawa duit cash, kena tangkap, terus anggap ini berlaku satu rasuah!

Saya cabar ini. Kalau DAP berani, saya cabar! Saya beri tempoh sebulan, jangan kata tiga bulan, sebulan - siasat latar belakang Menteri Besar Selangor, apa jawatan dia, apa harta dia, sebelum dia jadi Menteri Besar. Jadi, ini menghinalah!

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, saya katakan bahawa biarlah orang putih hina kita tak apa, biar penjajah hina kita tak apa. Hari itu, kita dihina oleh orang putih. Apabila Allahyarham Tan Sri Yahya Ahmad, dia hendak beli Lotus, kita hendak beri dia cek

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Noh bin Omar: Nanti, nanti, saya hendak beritahu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Tetapi dia beri saya peluang. Berilah saya peluang bercakap sampai habis!

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Noh bin Omar: Kalau gentleman, berilah saya peluang bercakap sampai habis. Dia cabar saya tadi!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, padatkan soalan Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Okay! Saya hendak beritahu, saya ulangi - saya terhina, sebab bagi saya, duit cash yang dibawa sekarang ini orang Melayu kena bawa 'cash money'. Hari itu Tan Sri Yahya hendak beli Lotus, hendak beri cek, orang putih tak mahu terima. Kena bayar cash.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan!

Tuan Noh bin Omar: Dan saya ulangi lagi, saya cabar dia. Kalau boleh dalam satu bulan bentangkan dalam Dewan ini, latar belakang Menteri Besar Selangor sebelum dia jadi Menteri Besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau soal, soal terus! Janganlah buat ucapan. Ini bukan sesuatu tabiat yang patut digalakkan, Yang Berhormat!

Tuan Noh bin Omar: Dia beri peluang saya bertanya. Okay, saya hendak bertanya, berani ataupun tidak DAP akan siasat latar belakang Menteri Besar Selangor sebelum dia jadi Menteri Besar sama ada dia ada harta ataupun tidak?

Beberapa Ahli Pembangkang: Duduklah!

Tuan Lim Kit Siang: Sepatutnya saya rasa sangat marah. Dalam tahun 1997 selepas empat dekad pembinaan negara kita, lagi dua tahun, tak sampai tiga tahun, milenium baru masyarakat maklumat, tetapi dalam Dewan yang mulia ini ada orang cakap: “Itu duit RM2 juta duit orang Melayu tau!” Soalkan ialah hinakan orang Melayu. Patut saya rasa sangat marah bahawa kita ada Ahli Parlimen yang berfikiran bukan sahaja begitu celik tetapi sempit, chauvinistic dan tak mahulah lain-lain vocabulary lagi, tetapi saya percaya di dalam Dewan ini pun Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional pun tahu inilah hujah-hujah yang tidak boleh dipakai lagi. Guna di luar Dewan di dalam negara, saya percaya, saya yakin orang Melayu pun tak boleh percaya, tak boleh terima. *[Tepuk]*

Saya percaya orang Melayu pun sudah lebih maju daripada fikiran dan sikap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, behind times, ketinggalan zaman. Itu bukan apa - hina. Brain sick sama orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Putih, isu integriti. Apa yang salah, kalau ada korupsi atau apa-apa itu salah, jangan timbul wang orang Melayu, hina ini, hina itu, kita rakyat Malaysia. Kita rakyat Malaysia, cinta

Malaysia, Malaysia termasuk semua kaum, bukan orang Melayu. Orang Melayu, bila mahu belajar, bila mahu bangun, bila mahu mature?

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis. Saya tak beri jalan. Oleh kerana tak mature, tak grow up, saya tak beri jalan.

Tuan Noh bin Omar: Tidak, saya hendak tanya.

Tuan Lim Kit Siang: Grow up dahulu, grow up dahulu, saya beri jalan!

Tuan Noh bin Omar: Berilah saya peluang bercakap.

Beberapa Ahli Pembangkang: Tak beri. Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya sudah beri jalan, satu hari tak boleh cukupkah?

Tuan Noh bin Omar: Tidak, sambut atau tidak cabaran saya tadi? Cabaran saya tadi berani sambut? Jangan hendak tuduh terus kata korupsi!

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu sebut, saya tidak terima!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau tidak beri

Tuan Noh bin Omar: Sanggup atau tidak terima cabaran saya?

Tuan Lim Kit Siang: Mahu beri ucapan yang begitu sempit, yang begitu ekstrim, chauvinistic!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ini bukan cara untuk dapat promotion!
[Ketawa][Tepuk]

Itu mungkin masa 50-an, 60-an, inilah telah masuk 21st century, tahukah? Bukan weak and weaker!

Tuan Noh bin Omar: Hei, samalah macam DAP! Janganlah hendak ambil kesempatan bila ada satu kes politician, hendak ambil kesempatan!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong Karang, dia tidak beri jalan.

Tuan Noh bin Omar: Ambil kesempatan masa dalam Dewan!

Seorang Ahli DAP: Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Ini satu isu untuk kepentingan negara, bukan isu orang Melayu, bukan isu keluarga Melayu, bukan isu wang Melayu, ini isu integriti kebersihan nama baik Malaysia. Dan apa itu lawan, cabar apa, siasat latar belakang Menteri Besar Selangor atau apa-apa, itu bukan tanggungjawab kita, itulah tanggungjawab BPR. Apa beliau patut buat ialah menunjukkan bahawa wang RM2 juta itu asal, tujuan dan maksud. Tanggungjawab atas dia untuk tujuan, oleh kerana dia pemimpin politik yang tinggi dan saya harap ini difahami.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan saya yang sebelum digangguikan. Seketika dahulu para pemimpin Malaysia sering suka mempersendakan negara-negara Barat kerana sosial, moral dan kejatuhan ekonomi mereka. Tetapi baru-baru ini, Malaysia didapati menghadapi prospek keruntuhan sosial dan moral dalam negara sendiri, sungguhpun kita belum lagi mencapai status negara maju seperti dunia Barat. Jelas sekali ada sesuatu yang tidak kena dengan proses pembangunan kita khasnya dengan Wawasan 2020 yang bercita-cita mencapai status negara maju yang disokong kuat oleh nilai-nilai moral dan etika yang kuat.

Wawasan 2020 menyatakan bahawa sebelum kita akhirnya mengatasi 9 cabaran strategi pusat yang dihadapi dari saat kita mencapai kemerdekaan, Malaysia tidak mungkin mencapai kemajuan yang sepenuhnya.

Cabaran strategi yang keempat adalah untuk membina sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika di mana rakyatnya kuat di dalam nilai-nilai agama berpandukan piawaian etika yang paling tinggi. Sungguhpun Malaysia telah mencapai jangka 1/3 program 30 tahun menuju ke Wawasan 2020, negara ini masih lagi belum bersedia sepenuh untuk mengatasi banyak dari cabaran strategik berkenaan. Dan di sesetengah kes kita telah jauh ketinggalan sebagaimana yang dilihat dalam masalah sosial yang semakin meningkat yang berlaku di golongan generasi muda kita. Ini adalah sesuatu yang amat menyedihkan dan negara ini perlu melakukan lebih banyak 'show searching' untuk mencapai jawapan tentang sebab mengapa Malaysia tidak berupaya berpandukan

kekuatan agama-agama teragung di dunia untuk menyampaikan nilai-nilai moral yang baik kepada rakyat dan generasi muda kita.

Memandangkan Malaysia merupakan tempat ‘confluent’ agama-agama agung ini, pada hakikatnya masih wujud lagi banyak rintangan yang menyekat cadangan supaya radio dan televisyen dibenarkan untuk dibuka kepada semua agama, membolehkan program-program yang sihat dengan nilai-nilai moral, spiritual yang baik, yang sama-sama dijunjung oleh semua agama disiarkan.

DAP mengalu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bulan lepas bahawa kerajaan bersedia berkerjasama dengan sesiapa pun termasuk parti pembangkang untuk menangani masalah-masalah sosial yang berleluasa ini.

DAP menawarkan kerjasama sedemikian kepada kerajaan untuk mengatasi masalah sosial yang menjejaskan generasi muda kita memandangkan kita memang sentiasa menganggap masalah sosial, penyakit sosial sebagai masalah kebangsaan. Bagaimanapun adalah penting supaya kerajaan memastikan ia tidak hanya berpuas hati dengan jawapan yang mudah mengenai penyakit sosial ini dengan menyalahkan pertama sekali guru-guru dan kemudiannya para ibu bapa kerana pada hakikatnya semua pihak yang terlibat sama ada kerajaan, sistem pendidikan mahupun ibu bapa mestilah memikul tanggungjawab terhadap penyakit sosial yang semakin berleluasa ini. Sebagai contohnya Menteri Besar Selangor telah mengumumkan bahawa Kerajaan Selangor akan menubuhkan satu yayasan yang digelar Yayasan Ehsan Selangor untuk mencari jalan menyelesaikan masalah sosial, penyakit sosial di dalam negeri berkenaan.

Bagaimanakah strategi Kerajaan Selangor untuk menyelesaikan masalah penyakit sosial ini, ada kreadibilitinya sekiranya rakyat pada umumnya menganggap Tan Sri Muhammad Taib sendiri sebagai salah satu contoh masalah penyakit sosial khasnya berikutan dengan ketidakupayaannya untuk memberi satu penjelasan yang memuaskan mengenai isu RM2.4 juta tunai di Brisbane pada bulan Disember lepas.

Adalah sungguh tidak menyenangkan kerana wujudnya kecenderungan untuk 'past the bulk' mencari penyelesaian mudah dengan menyalahkan ibu bapa dan mencipta satu lagi jenis masalah sosial iaitu masalah atau penyakit ibu bapa dan dengan ini nampaknya masalah yang menjejaskan generasi muda dianggap telah diselesaikan serta-merta ataupun menjadi tidak begitu serius lagi.

Satu lagi isu yang perlu diberikan perhatian adalah cadangan-cadangan yang tidak dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya, yang bersifat panik, malah tidak masuk akal, yang dilontarkan oleh sesetengah pihak. Antaranya adalah dua cadangan dari Kementerian Belia dan Sukan iaitu Program Khidmat Sosial Nasional yang bernilai RM500 juta dan melibatkan 400,000 pemuda lepasan SPM.

Cadangan adalah mewajibkan pelajar-pelajar yang menunggu keputusan peperiksaan SPM ini menghadiri Program Khidmat Sosial Nasional dan mereka yang enggan mengikuti program ini tidak akan diberi sijil SPM untuk meneruskan pelajaran ke Tingkatan Enam.

Semestinya ramai rakyat Malaysia yang tidak dapat percaya, malah merasa sungguh 'meluat' terhadap cadangan yang datang dari Kementerian Belia dan Sukan ini.

Cadangan sebegini adalah sungguh songsang dan memeranjatkan dan rakyat Malaysia akan bertanya-tanya sama ada masalah yang hendak diselesaikan oleh kementerian ini terletak pada para pemuda yang bermasalah sosial atau pemuda yang tidak berpenyakit sosial.

Dua lagi soalan yang akan dibangkitkan oleh rakyat Malaysia adalah sama ada Kementerian Belia dan Sukan cuba menyelesaikan masalah ataupun mencipta masalah sosial yang baru untuk para pemuda kita.

Kedua kepada Kementerian Belia dan Sukan, inilah yang merupakan sebab utama bertambahnya masalah sosial generasi muda, hasil dari kekurangan imaginasi dan kegagalan skim Rakan Mudanya.

Cadangan Kementerian Belia dan Sukan untuk menjadikan Khidmat Sosial Nasional sebagai sesuatu yang diwajibkan untuk para lepasan Tingkatan Lima tidak akan berjaya menyelesaikan masalah gejala juvana, kerana mereka semestinya tidak akan hadir di Khidmat Sosial dan mereka ini memang tidak mementingkan sijil SPM itu kerana keputusan peperiksaan SPM mereka tidak akan membolehkan mereka meneruskan pelajaran ke Tingkatan Enam. Hanya pemuda-pemuda yang tidak menghidap gejala juvana dan tidak menghadapi masalah sosial, tetapi tidak bersetuju bahawa mereka perlu menghadapi Khidmat Sosial Nasional yang akan terkena dan dihukum oleh peraturan yang draconian, yang menahan sijil SPM mereka. Dalam proses ini menghasilkan satu lagi generasi yang akan terasing dan ditentang oleh kerajaan, yang tidak memahami masalah serta aspirasi pemuda.

Adalah sungguh memmeranjatkan yang Kementerian Belia dan Sukan boleh memesong sebegitu jauh dari isu yang sebenar iaitu gejala belia dan memikirkan peraturan-peraturan yang akhirnya menyekat dan menahan mereka yang tidak ada masalah sosial.

Pada hakikatnya sekiranya seluruh konsep Khidmat Sosial Nasional ini ada bermaksud untuk membetulkan kegagalan pendidikan dan pembinaan keperibadian dengan memasukkan nilai-nilai yang baik dan berdisiplin di kalangan pemuda, yang menghadapi masalah disiplin dan sosial, maka kita harus memuji dan mengakui wujudnya pemuda-pemuda yang tidak menghidap masalah sosial ini dan dikecualikan mereka dari program reformasi ini.

Tumpuan pendidikan dan pembinaan character ini haruslah dijalankan semasa pelajar masih berada di sekolah dalam peringkat menengah dan rendah dan bukan apabila mereka sudah berumur 17 tahun dan melepasi Tingkatan Lima.

Sebenarnya kita harus mengakui bahawa peluang untuk membantu, membina dan mendidik character pemuda Malaysia sudah hilang pada saat mereka meninggalkan sekolah tanpa dididik dengan nilai-nilai untuk menjadi warganegara yang baik dan ahli masyarakat yang produktif. Maka tempoh 3 bulan yang dicadangkan untuk pendidikan serta pembinaan character melalui Khidmat Sosial Nasional ini tidak mungkin akan berkesan.

Sekiranya kerajaan bersedia untuk memperuntukkan RM500 juta untuk menangani penyakit sosial, maka peruntukan ini janganlah dibahagikan kepada

Kementerian Belia dan Sukan, tetapi digunakan untuk melancarkan pergerakan komuniti meluas untuk memupuk nilai-nilai kewarganegaraan yang baik di kalangan generasi muda dengan memobilisasikan usaha-usaha keluarga, sekolah dan komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Singapura pada bulan lepas, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita, menyatakan bahawa “Burma tidak harus diasingkan hanya kerana rekod hak manusianya yang buruk”. Beliau berkata “Ini bukan caranya untuk membantu negara berkenaan supaya masuk ke arus utama aktiviti-aktiviti global, tetapi akan menolaknya lebih jauh ke sudut terasing dari dunia luar”. Bagaimanapun sementara Kerajaan-kerajaan ASEAN tidak mahu mengasingkan junta tentera Burma yang memerintah itu, iaitu the State Law and Order Restoration Council (SLORC), mereka yang tidak harus memberikan ganjaran kepada SLORC yang mempunyai rekod hak asasi manusia yang buruk, dengan menerimanya masuk ke ASEAN tahun ini.

ASEAN telah membawa SLORC ke dalam rangka kerja ASEAN dengan menerimanya sebagai pemerhati tahun lepas, yang mana telah memberikan tanda yang silap kepada SLORC, bahawa dengan sokongan dari ASEAN maka ia bolehlah menentang pendapat serantau dan antarabangsa yang mahu ia menghormati hak asasi serta kebebasan demokrasi warganegara tersebut. Sebaliknya kemasukan SLORC sebagai pemerhati di ASEAN bukan sahaja tidak membantu membawa Burma balik ke arus utama aktiviti sedunia, SLORC sebaliknya telah meneruskan tindakan menekan dan sikap tidak menghormati hak-hak asasi rakyatnya.

Pada hakikatnya rekod hak asasi manusia telah bertambah buruk sejak ia memperoleh status pemerhati di ASEAN. Dan dalam konteks kegagalan dasar constructive engagement ASEAN dalam 7 tahun yang lepas untuk mencapai sebagai kemajuan yang ketara untuk mendemokraskan atau mendamaikan negara berkenaan, maka ASEAN harus menghormati pendapat serantau dan antarabangsa yang sungguh tidak bersetuju dengan tindakan menerima Burma masuk ke ASEAN tahun ini.

Sebagai contohnya, Amnesty International telah menggelar tahun 1996 sebagai tahun rekod hak asasi manusia di Burma yang paling buruk sejak crackdown pada tahun 1988 melaporkan bahawa lebih daripada 2,000 orang telah ditangkap tahun lepas kerana melakukan aktiviti-aktiviti yang dianggap sebagai menentang kerajaan dan sekatan yang ketat juga dikenakan ke atas ucapan dan pergerakan pemimpin pro-demokrasi Burma, Aung San Suu Kyi. ASEAN harus menjaga reputasi dan kredibiliti antarabangsanya dengan memastikan bahawa kemasukan SLORC ke ASEAN tidak akan mencetuskan kutukan serata dunia dan disebabkan oleh rekod hak asasi manusia SLORC yang begitu tidak diterima. Apa yang harus dilakukan oleh ASEAN adalah sediakan Burma untuk memasuki ASEAN pada masa depan dengan pertama sekali menjayakan dasar konsortium engagementnya yang mencipta syarat bahawa reformasi demokrasi serta reconciliation national berlaku di Burma. Negara-negara ASEAN harus menggalakkan SLORC supaya bertindak secara positif terhadap tindakan tawaran Aung San Suu Kyi sempena perayaan Union Day Burma yang menyeru supaya diadakan konvensyen kebangsaan preliminary di antara parti pembangkang tentera dan kumpulan-kumpulan etnik minoriti dan memulakan proses dialog nasional dan berdamai di Burma.

Demi menyelamatkan dasar konstruktif engagement selama tujuh tahun ini, ASEAN harus menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk membantu dalam proses reformasi demokrasi serta pendamaian di Burma dan menyakinkan SLORC supaya menaruh kepercayaan kepada negara-negara ASEAN yang merupakan kawan dan bukannya musuh Burma untuk membantu semua pihak di Burma tampil ke depan meja rundingan. Sekiranya SLORC diterima masuk ke ASEAN di dalam Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur dalam bulan Julai tahun ini dan ini menggalakkan pemimpin-pemimpin tentera memulakan tindakan mengambil tindakan-tindakan yang lebih keras dan mengenakan terhadap aktivis-aktivis pro-demokrasi serta kumpulan-

kumpulan etnik minoriti, maka pemimpin-pemimpin ASEAN yang menyokong kemasukan Burma ke ASEAN tahun ini perlu menerima tanggungjawab antarabangsa kerana membiarkan tindakan menindas hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan perlu memberikan bantuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam kes malapetaka subsiden yang berlaku di Tanjong kawasan Georgetown di Pulau Pinang untuk memastikan keselamatan kawasan berkenaan serta memberikan pampasan kepada 4,000 ke 5,000 penduduk di Tanjong hasil dari malapetaka subsiden yang disebabkan oleh kecuaiannya yang merupakan hasil kecuaiannya dan tidak bertanggungjawab kolektif pemaju projek Komtar Prangin Mall, Majlis Perbandaran Pulau Pinang serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sungguhpun Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta MPPP telah mengambil tindakan yang lambat dalam menangani masalah subsiden yang disebabkan oleh projek Komtar Prangin Mall ini seperti mengarahkan kajian geotechnical dan mengarahkan pemaju mengambil tindakan-tindakan remedial tetapi tindakan ini hanya diambil 4 bulan selepas insiden kerosakan yang pertama berlaku dan kerosakan yang pada mulanya hanya terhad kepada 10 rumah kini merebak ke lebih daripada 300 rumah yang melibatkan 4,000 ke-5,000 orang.

Kerajaan Pulau Pinang serta MPPP harus mengarahkan kajian geotechnical ke atas projek Prangin Mall 5 bulan yang lepas apabila laporan mengenai retakan di dinding dan jalan mula diterima dari penduduk tempatan. Di kawasan Kampung Kolam, sebagai contoh, keretakan wujud di 7 buah rumah pada akhir bulan September tahun lepas dan bertambah menjadi 10 rumah pada pertengahan Oktober. Jumlah rumah yang retak pada pertengahan November meningkat menjadi lebih kurang 20 buah, 30 buah pada bulan Disember, 35 pada 8 Disember, 49 pada 21 Disember, 62 pada pertengahan Januari dan 96 pada awal Februari.

Keretakan yang berlaku di kawasan Pengkalan Kota dan kini memberi kesan kepada satu kawasan yang lebih besar melibatkan lebih 150 rumah hanya mula berlaku pada akhir tahun lepas. Sekiranya Kerajaan Pulau Pinang dan MPPP bertindak balas terhadap aduan yang dilakukan oleh para penghuni kawasan-kawasan berkenaan pada awal-awal lagi, maka malapetaka keretakan dan subsiden ini tidak mungkin mencapai ke tahap yang begitu serius sehinggakan dari 10 rumah yang terjejas ini meningkat menjadi 300 rumah yang terjejas dan 4,000 ke-5,000 orang yang terlibat adalah penghuni yang mengadu bahawa Kerajaan Pulau Pinang serta MPPP mungkin akan mengambil tindakan atau sikap yang lebih responsif sekiranya perkara ini berlaku sebelum pilihanraya umum bulan April 1995 di mana retakan di sebuah rumah sahaja akan menyebabkan keseluruhan machinery Kerajaan Pulau Pinang dan MPPP meneliti masalah dalam masa 24 jam.

Kerajaan Persekutuan harus bekerjasama dengan Kerajaan Pulau Pinang untuk mengadakan penyiasatan yang menyeluruh khasnya dalam memastikan siapa yang harus memikul tanggungjawab kerana menyebabkan malapetaka manusia ini yang mengancam keselamatan, kehidupan, ketenteraman fikiran, rumah serta harta penduduk di kawasan berkenaan supaya orang-orang ini mendapat jaminan bahawa mereka akan dilayan dengan adil dan bukannya menjadi mangsa pembangunan di Pulau Pinang ataupun sikap kerajaan yang tidak menghiraukan mereka serta memastikan bahawa tidak akan berlaku tindakan cover-up dalam kerja penyiasatan kelak atau soal mengapa pihak berkenaan mengambil masa 5 bulan untuk bertindak membiarkan kerosakan di-10 rumah merebakke-300 rumah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong, sekejap, panjang lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Ini ada lagi satu isu, 5 minit. Dan penyiasatan yang menyeluruh ke atas tindakan kecuai dalam peringkat kerajaan sama ada pihak negeri mahupun perbandaran.

Akhirnya.....

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Sedarkah Yang Berhormat dari Tanjong bahawa satu kumpulan mangsa-mangsa yang terlibat dalam tenggelam bumi akibat kerja projek Prangin Mall telah pergi ke pejabat kerajaan negeri Pulau Pinang di Komtar untuk menyerahkan memorandum menuntut keadilan dari Kerajaan Pulau Pinang pada dua hari yang lepas dan hari ini, jikalau tidak, hari besok, satu kumpulan mangsa-mangsa yang lebih besar bilangannya akan pergi ke Komtar untuk menuntut keadilan juga. Yang Berhormat adakah bersetuju bahawa tindak tanduk mangsa-mangsa ini menunjukkan bahawa mereka tidak ada keyakinan terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menangani masalah tenggelam bumi dan juga keadilan. Sekian.

Tuan Lim Kit Siang: Saya adalah menyeru Kerajaan Persekutuan untuk campur tangan dalam perkara ini oleh kerana semua mangsa ini bukan sahaja developer tetapi mangsa kerajaan negeri dan mangsa MPPP oleh kerana subsiden tenggelam bumi telah berlaku, kalau tidak ada kecuai, tidak ada negligence di pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPPP.

Akhirnya, satu tajuk saya mahu bangkit di sini ialah mengenai permohonan penubuhan New Era College. Sungguhpun dalam surat khabar adalah diumumkan bahawa kerajaan sudah beri kebenaran yang prinsip untuk penubuhan New Era College, saya mahu dapat beberapa penjelasan, keterangan daripada Yang Berhormat Menteri

Pendidikan, oleh kerana apabila saya lihat, baca surat kebenaran yang diberi oleh, ditandatangani atas nama Seri Nusa Ahmad bin Taharuddin, bagi pihak Pendaftar Besar Sekolah, Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai permohonan penubuhan sekolah/institusi pendidikan tinggi swasta New Era College atau nama yang diluluskan Kolej Newera, N-e-w-e-r-a yang dimiliki oleh Dong Jiao Zhong.

Ada beberapa syarat yang dibuat. Apa yang diluluskan ialah empat kursus: -

- (i) Kursus Teknologi Maklumat;
- (ii) Kursus Pengurusan Perniagaan;
- (iii) Kursus Pengajian Bahasa Cina; dan
- (iv) Kursus Pengajian Sosial.

Tetapi satu syarat kelayakan masuk untuk pelajar-pelajar ialah mereka hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai SPM atau kelayakan yang setaraf dengannya. Apa artinya setaraf dengannya? Adakah kerajaan akan membenarkan sijil yang dikeluarkan oleh Unified Examination Sekolah-sekolah Menengah Tionghua diiktiraf sebagai setaraf dengan SPM.

Kedua, saya mahu penjelasan kenapa kebenaran ini dibuat bukan di bawah IPTS yang baru? Dalam Dewan yang mulia ini pada tahun lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan ada memberi jawapan mengenai kemajuan permohonan untuk New Era College atau Kolej Newera di bawah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Tetapi mengikut surat ini, New Era akan tertakluk di bawah Akta Pelajaran 1961 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Peraturan-peraturan Perlu Yayasan Pelajaran Tinggi 1969.

Kita diberi penjelasan bahawa selepas IPTS dan Akta Pendidikan diluluskan dan mendapat royal assent serta digazetkan bahawa undang-undang lama semua tidak terpakai lagi sungguhpun untuk maktab-maktab yang diluluskan sebelum akta baru diluluskan, ada seksyen-seksyen yang akan terus digunakan, tetapi untuk semua institusi yang baru yang membuat permohonan selepas Akta Pendidikan yang baru diluluskan semua akan berada di bawah akta yang baru.

Tetapi nampaknya sekarang Akta Pendidikan yang baru tidak digunakan. Apa yang disebut ialah Akta Pelajaran 1961, UUCA 71 dan Peraturan-Peraturan Perlu Yayasan Pelajaran Tinggi 1969. Adakah ini akan menimbulkan masalah di masa depan bahawa permohonan atau kebenaran ini tidak mengikut undang-undang yang patut digunakan?

Saya timbulkan perkara ini supaya masalah tidak akan timbul bahawa permohonan persediaan New Era College atau Kolej Newera boleh diberi sokongan oleh pihak kerajaan dan semua rintangan dan halangan tidak timbul dan supaya dalam negara kita, kita ada satu kolej di mana berbagai bahasa boleh digunakan sebagai medium instruction di mana Malaysia boleh menjadi suatu pusat serantau untuk pendidikan tinggi, khasnya dalam bahasa Tionghua.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong.

4.25 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam ucapannya Isnin lalu memberi fokus yang agak mendalam kepada kewujudan Koridor Raya Multimedia (KRM). Ini mencerminkan minat baginda dan keprihatinan baginda terhadap teknologi maklumat dan industri maklumat di negara ini.

Dedikasi ucapan tersebut juga menjadikan bukti kesungguhan kerajaan Barisan Nasional untuk menjadikan Malaysia sebahagian daripada kampung jagat ataupun global village yang menguntungkan rakyat jelata di zaman mendatang.

Koridor Raya Multimedia telah banyak diulas oleh pelbagai pihak dalam Dewan, termasuk Ketua Pembangkang semalam dan hari ini dan juga di luar negara. Saya yang berpeluang mengikuti sebahagian dari misi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempromosikan Koridor Raya Multimedia kepada pelabur-pelabur Amerika Syarikat di California di awal Ramadhan lalu berasa amat bangga dan kagum dengan sambutan komuniti asing terhadap perkara ini.

Usahawan industri filem dan multimedia di Hollywood, usahawan multimedia di Silicon Valley mahupun tokoh-tokoh akademik dan tokoh-tokoh ulung teknologi maklumat yang sempat berinteraksi dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melahirkan kekaguman masing-masing terhadap gagasan besar ini. Rata-ratanya mereka optimis terhadap Koridor Raya Multimedia. Mereka yakin terhadap potensi kejayaan

Koridor Raya Multimedia. Mereka juga berhasrat untuk sama-sama menyertai pembangunan Koridor Raya Multimedia.

Reaksi dan response sedemikian kelihatannya menepati hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Koridor Raya Multimedia satu dataran global yang kelak mengharmonikan Malaysia dengan realiti jagat dalam membentuk era maklumat tanpa mewujudkan sebarang keresahan dan konflik. Sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa menerima penghormatan standing ovation serta tepukan gemuruh di setiap majlis yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia di California baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi maklumat adalah perkembangan baru yang menggabungkan kepakaran teknologi komputer, kepakaran di bidang teknologi komunikasi dan juga kreativiti manusia. Teknologi maklumat menampilkan seluruh aspek kehidupan yang berangkai, internetwork berbentuk global dan melangkaui batas-batas geo-politik.

Teknologi maklumat mencetuskan perlumbaan international untuk memperolehi supremasi di dalam menguasai maklumat. Ia juga mendorong warga jagat untuk merebut peluang mengkomersialkan maklumat supaya menjadi komoditi penting di dalam industri semasa dan di alaf mendatang. Sebab itulah ledakan teknologi maklumat tidak boleh dielakkan dan ia menuntut anjakan paradigma dalam semua aspek kehidupan. Tanpa anjakan paradigma, sesuatu negara-bangsa ataupun a nation di abad mendatang pasti akan ketinggalan. Rakyatnya pula akan menjadi kelompok daif dan terpinggir.

Kefahaman sebeginilah yang menyebabkan segolongan pihak dengan tiba-tiba sahaja seolah-olah menjadi panik ataupun penasaran. Situasi ini menjadikan golongan tersebut jadi terbelenggu fikirannya. Mereka dibelenggu oleh suatu persepsi bahawa

untuk menjajarkan atau align diri masing-masing dengan ledakan teknologi maklumat dan untuk memperolehi keuntungan dari sinergi teknologi maklumat, maka majoriti rakyat di suatu negara itu mestilah menguasai kepakaran teknikal untuk mencernakan maklumat kepada produk bernilai tambahan. Ertinya majoriti rakyat jelata sesuatu negara itu mestilah berkelulusan di bidang komputer dan telekomunikasi sahaja. Jika tidak, mereka akan ketinggalan. Jika tidak, mereka kononnya akan terpinggir, daif dan kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, persepsi atau fahaman sebegini pada pendapat saya adalah berbahaya kepada kesejahteraan suatu negara-bangsa atau nation itu sendiri. Ia berbahaya kerana industri maklumat sebenarnya bukan sahaja memerlukan kepakaran komputer dan telekomunikasi. Lebih penting dari itu, industri maklumat memerlukan daya kreativiti yang tajam, yang halus, yang besar dan original.

Lebih penting lagi, ialah kejayaan satu negara bangsa di Era Maklumat adalah daya kepimpinan yang berwawasan besar, yang fokus dan bijak menterjemahkan peluang-peluang kepada usaha yang bermanfaat kepada negara dan bangsanya. Oleh itu, asas-asas kejayaan sesuatu negara bangsa di era teknologi maklumat adalah kepakaran teknikal yang digabungkan dengan sumber daya manusia yang kreatif dan juga digabungkan dengan kepimpinan negara yang bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita memerlukan kefahaman nasional terhadap teknologi maklumat dan industri maklumat. Malaysia mempunyai kemampuan teknikal di bidang teknologi maklumat. Negara ini mempunyai ramai profesional di pelbagai bidang kejuruteraan. Negara ini mempunyai ramai profesional di bidang komputer, profesional di bidang kejuruteraan telekomunikasi. Statistik menunjukkan bahawa profesional di bidang-bidang ini memang ada di Malaysia. Biar pun jumlahnya mungkin kecil bila dibanding dengan negara-negara lain, ia tetap memadai untuk membolehkan Malaysia mewujudkan pasukan hadapan ataupun 'forward group' yang akan bangkit dan mara di bidang industri maklumat.

Tetapi, bagaimanakah profesional di bidang-bidang yang membabitkan kreativiti? Adakah Malaysia mempunyai sumber manusia kreatif yang akan memantapkan lagi pasukan hadapan, 'forward group', seperti yang saya sebutkan tadi demi menempah kejayaan di dalam usaha mencipta produk-produk berasaskan maklumat? Sumber manusia kreatif diperlukan untuk menjadikan kepakaran teknikal di bidang maklumat digunakan di dalam

industri maklumat. Sumber manusia kreatif di bidang perfileman, di bidang industrial designing, penulisan, pengiklanan, kewartawanan dan penerbitan elektronik dan lain-lain yang berkaitan dengannya amat diperlukan di dalam industri maklumat.

Perkara ini penting diperjelaskan kepada masyarakat seluruhnya dan kepada kepimpinan seluruhnya. Masyarakat wajar diberitahu bahawa kepakaran di bidang teknikal sahaja bukan merupakan sebahagian dari input, hanya merupakan sebahagian dari input yang akan menghasilkan produk bernilai tambahan yang berasaskan maklumat. Hakikat ini penting difahami kerana maklumat wujud dalam bentuk data, maklumat wujud dalam bentuk audio dan video. Elemen-elemen ini memerlukan kreativiti sebagaimana saya katakan tadi kreativiti yang halus, yang tajam, yang original dan juga yang besar. Contohnya, jurugambar diperlukan untuk menyediakan konten yang interaktif. Tetapi oleh kerana obsession dalam teknologi maklumat, saya mendapat tahu bahawa kerajaan sekarang ini tidak lagi mengeluarkan biasiswa untuk anak-anak mengambil pendidikan tinggi di bidang digital film making. Ini satu perseption yang salah. Dia kata dalam Era Maklumat cuma pelajar engineering, komputer televisyen dia hantar. Filming, journalisme, advertising tak payah. Ini satu pandangan yang silap. Oleh kerana produk maklumat yang akan keluar adalah gabungan teknikal dan juga kreativiti; teknikal 40% dan kreaviti 60%, baru menjadi satu produk maklumat yang bernilai tinggi.

Perseption ini saya harap harus dibetulkan. Copy writer di bidang iklan umpamanya diperlukan di dalam pengiklanan siber. Penulis dan wartawan diperlukan dalam menyediakan bahan-bahan tulisan yang tepat, menarik, menawan, rangup, ringkas yang akan disuguhkan ke dalam sesuatu home pages ataupun smart mass media. Pelukis kreatif diperlukan di dalam menghiasi ruang-ruang homepage dan industrial designer diperlukan dalam mencipta bentuk-bentuk komputer hardware serta produk-produk hardware lain yang relevan kepada industri maklumat. Di sini saya minta satu emphasis, oleh kerana bunga-bunganya telah bermula. Tindakan-tindakan untuk mengurangkan pengeluaran graduan dan pelajar tertinggi dalam bidang ini mula dilakukan. Saya harap jangan, oleh kerana sekali lagi produk teknologi maklumat memerlukan teknikal dan kreativiti.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap para pemimpin negara ini, baik seluruh masyarakat umum, baik pemimpin politik pun baik, wajar diingatkan kepada hakikat penyediaan sumber manusia kreatif ini. Saya harap pihak kerajaan akan menginsafkan para perancang dasar umpamanya bahawa sementara jumlah kepakaran teknikal di bidang teknologi maklumat memang mesti ditingkatkan. Jumlah manusia kreatif di bidang-bidang yang saya sebutkan tadi juga perlu sama-sama ditingkatkan jumlahnya. Pada waktu yang sama, seluruh institusi latihan

tinggi, penganjur pusat-pusat latihan vokasional, penganjur pusat-pusat latihan teknikal dan pihak yang bertanggungjawab kepada pendidikan menengah dan rendah perlu diinsafkan bahawa di dalam menempah kejayaan di Era Maklumat, gabungan manusia teknikal dan kreatif adalah perlu dan penting. Kedua-dua golongan manusia ini diperlukan untuk interfaith digembleng dan perlu diharmonikan demi mencipta produk-produk berorientasi maklumat bernilai tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat observation ini kerana saya khuatir terdapat satu obsession atau keghairahan yang hanya menumpu kepada penyediaan manusia teknikal sahaja di dalam kita menyediakan sumber manusia yang diperlukan oleh industri maklumat. Sehubungan dengan ini juga, saya harap profesional di bidang-bidang lain dan disiplin lain termasuklah di bidang perubatan dan undang-undang perlu juga dibimbing supaya mereka dapat interfaith dan digemblengkan dan diharmonikan dengan golongan yang saya sebutkan di atas tadi. Ini kerana produk-produk seperti teleperubatan, undang-undang on-line, cyberbanking dan digital commerce juga merupakan produk yang akan relevan dengan Era Maklumat dan industri maklumat.

Kesedaran pembuat dasar terhadap industri maklumat - Tuan Yang di-Pertua, era digital mendorong ciri-ciri kepemimpinan atau leadership yang baru. Era ini memerlukan bentuk kepimpinan yang internetwork atau berangkai. Ertinya, kepimpinan era digital bukan sahaja berangkai, malah perlu menjadi 'virtual force' atau kuasa virtual yang lahir dari wawasan yang dikongsikan bersama. Mengambil iktibar dari ciri-ciri ini, saya yakin Malaysia mempunyai bentuk kepimpinan yang serasi lagi secocok dengan zaman maklumat. Usaha-usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjayakan Koridor Raya Multimedia umpamanya sentiasa dibantu oleh Timbalannya dan terus disokong dan didokong bersama oleh seluruh Jemaah Kabinet negara.

Barisan kepimpinan ini dipertanggungjawabkan mengemudikan bahtera negara bangsa atau nation di dalam mencapai kecemerlangan di Era Maklumat. Mereka juga dituntut bijaksana di dalam mengemudikan misi perubahan sikap, 'attitudinal change', perubahan nilai atau 'value change' serta perubahan budaya, 'cultural change' yang penting di dalam menentukan kejayaan perubahan masyarakat atau 'societal change', dan sama pentingnya di dalam mewujudkan tamadun baru yang serasi dengan Era Maklumat. Tanggungjawab ini besar dan berat. Barisan kepimpinan tertinggi negara Malaysia memang mampu memikul tanggungjawab tersebut. Tetapi mereka belum pasti mampu melaksanakan tanggungjawab berkenaan dengan kejayaan sepenuhnya jika tanpa dokongan barisan kepimpinan di peringkat birokrasi atau pentadbiran serta barisan kepimpinan di peringkat parti yang akan menjadi sumber iltizam politik.

Dalam konteks inilah, Tuan Yang di-Pertua, maka persepsi dan mindset pemikiran kepimpinan birokrasi dan politik di semua peringkat di Malaysia wajarlah dijajarkan atau 'being alinged' kepada persepsi serta

mindset pemikiran kepimpinan tertinggi negara terhadap teknologi maklumat, industri maklumat dan pembentukan tamadun secocok dengan perkembangan ini.

Dalam erti kata lainnya, kepimpinan birokrasi dan politik Malaysia seluruh peringkat mesti secara komprehensif difahamkan tentang teknologi maklumat. Diberi taklimat tentang teknologi maklumat. Diberitahu apakah industri maklumat dan apakah dasar-dasar yang perlu diubahsuaikan untuk era maklumat dan apakah dasar-dasar baru yang perlu digubal untuk era maklumat.

Oleh itu, biar pun sebahagian kepimpinan birokrasi dan politik Malaysia memang faham, saya yakin barisan kepimpinan tertinggi birokrasi memang faham serta sensitif terhadap kejayaan di dalam industri maklumat, tetapi saya yakin kerajaan perlu mengambil satu langkah segera supaya majoriti kepimpinan birokrasi dan majoriti kepimpinan politik di semua peringkat di negara ini jadi lebih faham dan jadi lebih sensitif terhadap perkembangan ini. Usaha ini penting jika Malaysia mahu berjaya di hari mendatang. Ia penting sekiranya Malaysia mahu barisan kepimpinan pentadbiran awam dan politik yang akan sama-sama mendukung dengan penuh kefahaman dan komitmen di dalam usaha membangunkan serta menjayakan industri maklumat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat pengamatan atau observation ini kerana nampaknya saya mungkin tersilap, nampaknya masih wujud kepimpinan pentadbiran awam yang seolah-olah dingin terhadap apa yang mahu dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinetnya dalam konteks Koridor Raya Multimedia dan dalam konteks industri maklumat. Dalam konteks ini, mereka perlu diberikan

penjelasan mendalam terhadap apa yang dikatakan teknologi maklumat, sebagaimana yang saya katakan, apakah yang penting untuk membolehkan teknologi maklumat dijadikan jentera ataupun perkakas serta pemangkin kecemerlangan mendatang, apakah sektor-sektor teknologi maklumat yang boleh dipecah-pecahkan dan dikenalpasti menjadi peluang-peluang perniagaan dan apa pula konstrain serta keperluan undang-undang supaya teknologi maklumat tidak menimbulkan masalah dan industri maklumat pula boleh berkembang subur dan sihat di Malaysia kelak.

Kajian Impak Terhadap Teknologi Maklumat:

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mencadangkan semoga pihak kerajaan dan Barisan Nasional melaksanakan segera satu kajian impak (impact assessment) terhadap kesedaran, awareness, conciousness, ini yang penting pada peringkat awal terhadap teknologi maklumat dan industri maklumat di kalangan seluruh kakitangan awam serta pemimpin politik di peringkat yang difikirkan perlu.

Kajian sebegini akan membolehkan kerajaan memastikan tahap kesedaran, the degree of awareness, pemimpin pentadbiran awam dan pemimpin politik yang dikenalpasti. Kajian ini juga akan dapat menentukan tahap computer literacy di kalangan mereka, dapat menentukan kefahaman mereka untuk menggunakan teknologi maklumat supaya jentera pembaharuan dalam proses pengurusan awam, akan dapat menentukan kepintaran mereka menganalisis peluang-peluang perniagaan yang lahir sebagai senergy kepada teknologi maklumat khususnya untuk bumiputera dan juga akan

menentukan kefahaman golongan ini untuk menggubal segala dasar yang relevan dan berkesan untuk menangani era maklumat.

Kajian impak ini juga pastinya dapat membantu kerajaan menyediakan pendekatan berkesan untuk mewujudkan keinsafan tentang peri pentingnya teknologi maklumat terhadap seluruh aspek political economy di masa akan datang. Pada waktu yang sama, oleh kerana Kerajaan Pusat akan memperkenalkan aplikasi pentadbiran elektronik atau Electronic Government tidak lama lagi, kajian impak seperti ini juga mungkin dapat membantu di dalam menyediakan strategi maltih keseluruhan kakitangan awam supaya mereka jadi work force yang berkesan di zaman digital kelak.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab ini saya yakin dapat dan telah dilaksanakan oleh MAMPU atau Unit Pemodenan dan Perancangan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri. Namun begitu, sekiranya kajian impak seperti ini telah pun dijalankan, sudilah apa kiranya Dewan yang mulia ini diberitahu akan status dan perkembangannya. Apakah ianya selari dengan pelan induk teknologi maklumat yang diusahakan oleh MIMOS.

Saya menyatakan hal ini kerana saya difahamkan bahawa sebuah firma swasta telah pun dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kajian komprehensif terhadap teknologi maklumat dan industri maklumat dan kaitannya dengan pentadbiran awam sebagai persediaan awal pelaksanaan aplikasi pentadbiran elektronik di Putrajaya kelak.

Saya menyuarakan pandangan ini bukan kerana saya meragui kemampuan kerajaan mencapai kejayaan di era digital. Sebaliknya, saya melahirkan suara ini

semoga kakitangan awam jadi lebih efektif menjalankan tugas masing-masing di era pentadbiran elektronik kelak. Saya juga menyuarakan pandangan ini semoga seluruh aplikasi elektronik di dalam pentadbiran adalah proses yang dikoordinasikan bukannya proses yang *ad-hoc*, bukan proses yang terasing di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya memahami rasa impatience Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kelihatannya mahu pelaksanaan pentadbiran elektronik dilaksanakan seberapa segera. Rasa impatience ini adalah positif, tetapi adakah denyut hati dan gelodakan sukma Perdana Menteri ini dapat dirasakan bersama oleh seluruh cabang kerajaan, oleh seluruh kepimpinan birokrasi kerajaan?

Inilah yang menjadi persoalan semasa dan inilah juga yang membimbangkan kami ahli-ahli politik yang mendukung iltizam politik untuk menjayakan industri maklumat di Malaysia.

Saya yakin bahawa kebimbangan ini adalah kebimbangan yang berasas. Saya bimbang kerana menjelang tahun 2000 contohnya, Jabatan Perdana Menteri sendiri akan menjadi jabatan yang paperless, jabatan yang menggunakan seluruhnya aplikasi elektronik, maknanya segala urusan di jabatan dan urusan dengan jabatan ini tidak lagi menggunakan kertas. Pada amnya seluruh perhubungan antara jabatan serta kakitangan kerajaan dengan orang awam akan dilakukan secara elektronik. Ini termasuklah penggunaan rangkaian multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya, jabatan dan kementerian yang terpilih pula akan dilengkapi dengan pejabat bergerak multimedia, mobile multimedia office.

Mesyuarat secara video conferencing, mempunyai arkib yang digitise, pangkalan data yang dikongsi dengan jabatan dan kementerian lain serta kemudahan tandatangan digital.

Semua pihak menyokong penuh perubahan dan pelaksanaan ini. Tetapi banyak implikasi yang wajar dibereskan sebelum segala-galanya menjadi kenyataan. Contohnya, sudahkah kakitangan awam yang akan mengendalikan pembaharuan proses dan cara pentadbiran elektronik ini dilatih mulai sekarang? Adakah mereka telah dibekalkan tentang kefahaman yang menyeluruh terhadap segala aplikasi yang terangkum di dalam pengurusan secara elektronik ini?

Contohnya, adakah mereka akan diberi taklimat dan kefahaman terhadap keselamatan maklumat dan data, security of information and data untuk mengelakkan data serta maklumat itu dirompak, being hack ataupun dirisik secara elektronik oleh pihak yang bermotif songsang ataupun oleh pihak musuh khususnya.

Saya sebutkan masalah ini kerana segala feature keselamatan data dan maklumat di dalam komputer sahaja tidak mencukupi. Segala feature keselamatan ini mesti digandungi dengan mindset pemikiran yang prihatin terhadap keselamatan, yang mengetahui apakah dia keselamatan, bila keselamatan itu diceroboh dan bagaimana mereka akan bertindak dan menghadapi sesuatu situasi keselamatan yang telah diceroboh di dalam komputer. Ini penting!

Oleh kerana fire wall sendiri tidak dapat menahan perkara ini daripada being hack, banyak tulisan yang kita akan bincangkan dalam Computer Crimes Act ini tetapi fire wall sendiri tidak menjamin keselamatan, tidak boleh hack. Sebenarnya, semua maklumat dan data memang boleh dirompak dan dirisik setiap masa secara elektronik

tetapi mindset bagaimanakah untuk kita menghadapi situasi sebegini? Adakah kita akan bertindak complacent ataupun kita bertindak lekeh ataupun kita seharusnya sentiasa menjaga dan kita harus a problem oriented bahawa sebarang hacking mesti diselesaikan seberapa segera dan pada bila-bila masa. Inilah mindset yang diperlukan untuk kita berhadapan dengan Electronic Government.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata janganlah proses pentadbiran elektronik kelak melahirkan sikap di kalangan segolongan kakitangan awam, sikap yang lekeh ataupun sikap yang lewa atau sikap yang complacent. Janganlah corak pengurusan elektronik ini menyebabkan segolongan kakitangan kerajaan kehilangan budi dan kehilangan bahasa, jangan mereka kehilangan sopan dan santun, jangan mereka menjadi tidak sensitif kepada masyarakat, mereka harus dididik dan dilatih menjadi 'peoples friendly'.

Koridor Raya dan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham dan insaf bahawa Koridor Raya Multimedia adalah sebahagian dari global village atau kampung jagat yang saya katakan tadi. Oleh itu, segala bill of guarantees dan insentif yang diberikan kepada para pelabur asing untuk beroperasi di Koridor Raya Multimedia adalah wajar dan positif. Bagaimanapun, oleh kerana di dalam mewujudkan kampung jagat KRM ini, kerajaan juga masih perlu melaksanakan agenda bumiputera di dalam perniagaan. Saya pasti kerajaan tidak akan kehausan kebijaksanaan (they won't exhaust the wisdom) untuk memastikan supaya Agenda Bumiputera ini juga terpancar di dalam pelaksanaan Koridor Raya Multimedia itu kelak.

Saya faham bahawa hakikat ini tidak boleh sangat ditonjol dan dilaung-laungkan secara melulu. Tetapi, saya memohon dan berharap semoga kerajaan akan menganalisis segala sinergi yang lahir dari Koridor Raya Multimedia yang layak diberi keutamaan

kepada bumiputera. Contohnya, kerajaan perlu menganjurkan kepada institusi kewangan tempatan semoga mereka prihatin dan responsif terhadap keperluan usahawan bumiputera mendapatkan kemudahan kredit dan modal permulaan untuk memajukan perniagaan Industri Maklumat. Saya pasti keperluan dan kemudahan ini akan membolehkan mereka membesarkan operasi masing-masing dan menambahkan kredibiliti mereka di mata syarikat-syarikat teknologi maklumat asing supaya mereka dapat mewujudkan dan melahirkan 'smart alliances' dan 'smart partnership' dengan syarikat-syarikat luar yang akan beroperasi di Koridor Raya Multimedia.

Hakikat ini saya sebutkan dan perlu diambilkira dan dihalusi kerana salah satu faktor yang menghalang kemajuan perniagaan bumiputera selama ini adalah soal modal dan kemudahan kredit. Penyelesaian terhadap soal-soal ini saya yakin akan membolehkan bumiputera turut menjadi players yang berwibawa di dalam green field yang bernama Koridor Raya Multimedia.

Mudah-mudahan soal-soal seperti ini akan diambilkira oleh kerajaan yang kini sedang merangka strategi menambahkan jumlah bumiputera menengah termasuk di bidang perniagaan dan industri teknologi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Di-Pertuan Agong di dalam ucapannya Isnin lalu menyebut bahawa melalui mekanisme hubungan dua hala dan pelbagai hala bilateral dan multilateral, Malaysia terus memupuk jalinan perhubungan dalam bidang-bidang kerjasama dengan berbagai negara. Kenyataan Yang Di-Pertuan Agong ini adalah hakikat, sebab itulah Malaysia kini muncul sebagai sebuah negara yang disegani oleh

komuniti dunia dan Perdana Menteri Malaysia juga adalah pemimpin yang bertaraf dunia. Dalam konteks ini, saya dan seluruh penyokong kerajaan di Dewan yang mulia ini mengambil kesempatan merakamkan dan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru-baru ini dianugerahkan Anugerah King Al-Malek Faisal kerana jasa-jasa beliau di dalam memberi keprihatinan serius terhadap Islam dan dunia Islam secara pragmatik dan berkesan. *[Tepuk]*

Memang kita faham Perdana Menteri tidak berapa gemar menerima puji-pujian. Bagaimanapun kami rakyat Malaysia bangga mempunyai Perdana Menteri yang ada sekarang. Beliau adalah spokesman ASEAN. Beliau adalah spokeman Asia. Beliau adalah juga spokesman negara-negara membangun dan sekarang ini beliau diiktiraf menjadi spokesman kepada negara-negara Islam. Bagaimanapun dalam konteks hubungan dua hala dan juga multilateral serta bilateral relation ini, izinkan saya menyebut sedikit mengenai perkembangan dari Selat Teberau.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak semena-mena, sekali lagi Lee Kuan Yew menggemparkan Malaysia. Di dalam satu affidavit yang dikemukakan di mahkamah Singapura, Lee mengatakan bahawa negeri Johor, negeri saya, terkenal dengan tembak-menembak, kegiatan samun dan rampasan kereta. Lebih menggemparkan lagi, affidavit itu difailkan bersama-sama Lee Hsien Loong, Timbalan Perdana Menteri dan anakanda kepada Lee Kuan Yew.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kelazimannya, tiada siapa dapat mentafsir Lee Kuan Yew dan mengapa Lee Kuan Yew menuduh Johor sedemikian rupa. Ataupun tiada siapa

dapat mentafsir kenapa Lee Kuan Yew tergamak memburuk-burukkan wilayah yang paling terdekat dari negara jiran yang juga terdekat dengan Singapura.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan sedikit-sebanyak. Lee Kuan Yew ini sebagai Menteri Kanan kepada kerajaan Singapura, saya hendak tahu sedikitlah tentang Lee Kuan Yew ini, dia sebenarnya berasal dari mana Yang Berhormat? Apabila dia mengatakan Johor sebagai negeri asalnya, kalau tidak silap saya, apakah jenis manusia yang macam ini agaknya, apabila dia sanggup menyatakan negeri asalnya dan juga tanah tempat tumpah darah emaknya sebagai tempat yang sudah hilang moral dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat bersetuju apa yang telah disarankan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia supaya Lee Hsien Loong juga menarik balik kata-kata afivaditya, bukan hanya berlindung kepada kekuatan ataupun kesombongan bapanya yang menunjukkan bahawa maruah Lee Hsien Loong juga adalah telah terkeluar daripada unsur manusia?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya akan jawab kemudian dalam statement saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa Lee Kuan Yew bertindak demikian tidak siapa dapat mentafsir. Dan saya tidak pasti faktor umur menjadi sebab utamanya. Orang kata dia 'nyanyuk', orang kata dia 'sinai' - saya tidak pasti, oleh kerana dia seorang yang

berfikiran tajam, atau mungkin inilah satu bukti bahawa Lee Kuan Yew memang seorang yang mulutnya memang ‘lancang’. Saya tidak mahu mengatakan dalam bahasa harian, apa ertinya ‘lancang’. Kelancangan mulut beliau sewaktu Singapura berada di dalam Malaysia memang amat menyakitkan hati rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu. Tetapi bagaimana pula dengan Lee Hsien Loong? Beliau masih muda, beliau juga orang yang kedua tertinggi di dalam hirarki pemerintahan Singapura. Tidakkah beliau insaf bahawa kenyataan hitam putih seperti yang dikandung dalam affidavit itu boleh menjejaskan hubungan diplomatik sesama jiran, sesama sahabat, sesama tetangga?

Kira-kira 9 bulan lalu, iaitu pada Jun 1996 Lee Kuan Yew telah menggemparkan Malaysia dengan ura-ura percantuman semula Malaysia-Singapura. Isu tersebut dikaitkan dengan kononnya ketiadaan kesaksamaan kaum di Malaysia. Singapura kononnya mungkin boleh bergabung semula dengan Malaysia sekiranya soal meritokrasi ini wujud di negara ini. Isu tersebut amat menyinggung Malaysia dan UMNO sehinggakan Yang Amat Berhormat Presiden UMNO mengeluarkan satu kenyataan yang keras dan tegas di akhir satu mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1996.

Kenapa sekali lagi, setelah dikeluarkan satu arahan yang keras dan tegas oleh UMNO yang menjadi tunggak, tulang-belakang pemerintahan negara, mengapa Lee Kuan Yew berani ‘celupar’ mulut kali ini? Jadi, kenapakah Lee Kuan Yew masih terus-menerus.....

Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: ...mahu menggemparkan Malaysia kebelakangan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong, ada yang bangun.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Saya ingin mendapat opinion, Lee Kuan Yew pernah diberi gelaran 'Dato'' oleh Sultan Johor, kalau tidak salah ingatan saya. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya gelaran tersebut ditarik balik, memandangkan 'kebiadapan' beliau?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya sebagai orang Melayu, saya kata tadi, kita semua orang Melayu, 'ada orang yang ada gusi ada bahasa'; 'orang yang tahu budi, orang tahu bahasa'; 'orang kenang budi, orang kenang bahasa'. Jadi, kalau dia 'orang yang ada budi, ada bahasa'; 'tahu budi tahu bahasa', sebenarnya kalau dia memegang gelaran 'Dato' daripada Johor, dia tidak harus bertindak mencemuhkan Johor. Jadi, sekarang kerajaan Johor juga adalah kerajaan yang berbudi dan berbahasa. Kita tidak akan menarik, tetapi sepatutnya dia menyerahkan secara sukarela. Lee Kuan Yew seharusnya menyerahkan secara sukarela kerana negeri yang memberi penghormatan darjah kerabat tinggi kepada dia, telah pun diperhina oleh dia sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa sebenarnya yang menyakiti Lee Kuan Yew - untuk selama dalam tempoh 9 bulan, dua kali dia menggemparkan Malaysia? Dia sanggup menjejaskan hubungan diplomasi yang baru tersimen dengan erat setelah berpisah pada mulai tahun 1965. Apa yang di sebalik Lee Kuan Yew? Adakah dia hendak

mencari, hendak mengembangkan horizon of influence? Adakah dia hendak mengembangkan dataran pengaruh ataukah dia hendak membuat satu mind infiltration dan sebagainya? Kenapa Lee Kuan Yew tidak berhenti-henti mahu melukakan hati orang Melayu khususnya dan orang Malaysia umumnya? Mengapa dia tidak faham ertikata yang tegas dan juga yang padat oleh YAB Presiden UMNO baru-baru ini?

Keceluparan Lee Kuan Yew sewaktu berada di dalam Malaysia tidak boleh kami lupakan, tidak akan dilupakan. Sampai bila-bila ungkapan kata-kata beliau yang melukakan hati orang Melayu, hati rakyat Malaysia akan tersimpan dalam lipatan sejarah. Kini keceluparan itu, malah dijadikan bahan kajian ekadematik, beliau tidak dapat lari dari hakikat ini.

Hansard dan rekod rasmi Parlimen Malaysia juga tidak memadamkan apa yang telah dikatakan secara celupar oleh Lee Kuan Yew buat selama-lamanya. Saya pernah dalam proses mengkaji Malaysia Malaysia, membaca sorotan *Hansard* ataupun verbatim repot Parlimen, apa yang dikatakan oleh Lee Kuan Yew terhadap Malaysia sewaktu itu berada dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, amat melukakan, saya rakyat Johor, arwah bapa saya orang Johor, emak saya orang Johor, saya lahir di Singapura. Singapura tanah tumpah darah saya walaupun bukan jadi 'state of citizenship' tetapi ini hakikatnya. Kita, rakyat Malaysia menerima hakikat bahawa Singapura adalah milik Melayu, Singapura dibuka oleh Raja Melayu. Kita ketepikan hakikat ini oleh kerana kita mahu berpegang teguh kepada prinsip dan konsep 'peaceful coexistence'. Kita melupakan sejarah Singapura milik Melayu, dibuka oleh Melayu, ramai orang Melayu di sana yang sekarang ini mungkin tertindas oleh kerana kita menghormati Singapura sebagai satu negara yang sovereign dan merdeka tetapi apakah timbal balas hormat-menghormat ini yang diberikan oleh Singapura khususnya oleh pihak menteri kanan Singapura.

Inilah forum yang paling tepat, Tuan Yang di-Pertua, untuk saya meluahkan perasaan saya. Di sinilah juga Lee Kuan Yew pernah melukakan ratusan, jutaan hati orang Melayu apabila diperkenalkan konsep Malaysia Malaysia. Bagaimana lukanya hati orang Melayu, bagaimana hinanya orang Melayu, bagaimana dipersendakan Raja-raja Melayu, bagaimana diperburukkan bangsa Melayu.

Tuan Yunus bin Rahmat: [*Bangun*]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya sebagai rakyat Johor yang lahir di Singapura, saya amat sedih dengan hakikat dia pernah melukakan hati generasi lama orang Melayu. Sekarang ini Lee Kuan Yew yang melihat kebangkitan generasi muda Melayu juga terus melukakan hati anak-anak muda Melayu. Saya sedih, biar pun maaf telah diberi dan maaf telah diminta tetapi hati yang luka akan terus luka, ini hakikatnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Maaf yang diminta telah pun diberi kemaafan tetapi Tuan Yang di-Pertua, hati yang luka akan terus luka. Berapa tahunkah kita akan memperbaiki keadaan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin meminta lagi penjelasan daripada Yang Berhormat Parit Sulong. Setelah kata-kata celupar sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi disuarakan oleh Menteri Kanan Singapura kononnya yang begitu berpengalaman tetapi saya ingat sudah nyanyuklah, apakah sebenarnya peranan Perdana Menteri Singapura sendiri? Sekiranya Perdana Menteri Singapura benar-benar bertanggungjawab dengan perlantikan Lee Kuan Yew sebagai Menteri Kanannya, mengapakah Perdana Menteri Singapura sendiri Goh Chok Tong tidak mengambil tindakan ke arah untuk memulihkan semangat bangsa Melayu dan rakyat Malaysia setelah kenyataan yang biadap dan kurang sopan itu dikeluarkan. Terima kasih.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya akan jawab fasal benda itu akan terjawab menerusi kata-kata saya tetapi rasa sedih saya dan terguris jiwa saya masih lagi berkesan, Tuan Yang di-Pertua. Kita berpegang teguh kepada prinsip 'peaceful coexistence' dan kita juga menghormati 'sovereignty and independence' satu negara jiran yang terdekat tetapi mengapa negara jiran yang kita hormati 'independence'nya, yang kita hormati 'sovereignty'nya yang kita juga sama-sama harusnya melaksanakan konsep 'of peaceful coexistence' sanggup melukakan hati generasi muda Melayu. Ini persoalan dan kepada saya persoalan ini akan terus menjadi, menghantui kita di dalam semua sektor orang Melayu di dalam membuat perkiraan-perkiraan sama ada politik atau business di masa akan datang. Saya, for once akan terus dihantui oleh perasaan ini apabila saya berhadapan dengan sahabat-sahabat saya dari Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata negara bangsa Malaysia menghormati Singapura sebagai jiran, sebagai tetangga dan sebagai sahabat serantau. Mereka rela mematikan segala sentimen sejarah. Dia ketepikan sejarah yang saya katakan, Singapura di buka oleh orang Melayu, Singapura milik Melayu, kita ketepikan, tidak apa, dia sahabat kita! Kita rela melupakan sejarah, saya katakan tadi bahawa Singapura di buka oleh Melayu. Kita rela

mengetepikan realiti bahawa segala-galanya yang itu kita simpan dalam khazanah sejarah silam. Semua pengorbanan ini dilakukan khususnya oleh orang Melayu semata-mata atas prinsip 'peaceful coexistence', berdasar kewujudan bersama secara aman di antara jiran, tetangga dan sahabat.

Tuan Yang di-Pertua, Lee Kuan Yew faham hakikat ini, Lee Hsien Loong juga insaf akan realiti ini. Si-ayah seorang tokoh bertaraf dunia, Si-anak pula generasi muda Singapura yang mempunyai pemikiran strategik, kalau tidak dia tidak akan menjadi orang berpengaruh di dalam tentera Singapura.

Tidakkah mereka faham apa erti provokasi? Tidakkah mereka faham apa erti diplomasi? Mereka seharusnya faham dan menghormati semangat berjiran dan bertetangga. Mereka juga faham bahawa orang Melayu mempunyai budi, orang Melayu mempunyai bahasa, mereka juga harus faham bahawa mereka juga dituntut berbudi bahasa kerana soal budi dan bahasa bukan sahaja hadir dalam framework sosiologi Melayu malahan dalam framework sosiologi orang-orang Timur. Sebagai seorang yang berlatar belakang pendidikan undang-undang serta berpengalaman luas di dalam bidang kerajaan, Lee Kuan Yew mustahil tidak tahu soal-soal diplomasi yang saya katakan tadi. Sebagai seorang yang berpangkat tinggi di bidang ketenteraan, Lee Hsien Loong mustahil tidak tahu erti tindakan strategik atau perbuatan provokasi. Mustahil kedua-duanya tidak mengerti hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan bagaimana agaknya jika baru-baru ini semua pihak di Malaysia bertindak emosi, terus 'take law into our own hands' - apa agaknya yang akan terjadi jika rakyat Johor, Johor Bharu being the first entry point from Singapura to Malaysia. Jika rakyat Johor yang dikatakan dari negeri yang sarang jenayah, perompak dan perampasan kereta tiba-tiba sahaja bertindak kasar ataupun mewujudkan keadaan yang provokatif terhadap rakyat Singapura, apa yang akan berlaku? Tidakkah Lee Kuan Yew sedar, tidakkah Lee Hsien Loong sedar? Tidakkah Goh Chok Tong juga sedar terhadap hal ini.

Soalan-soalan ini memang hyphothetical, Tuan Yang di-Pertua. Soalan-soalan ini tidak akan terjadi kerana Malaysia dipimpin oleh golongan manusia waras dan berbudi bahasa. Segala-galanya memang tidak akan berlaku kerana rakyat Johor dan rakyat Malaysia seluruhnya adalah manusia yang waras dan berbudi bahasa.

Tetapi soalan ini cuba sama-sama dibayangkan oleh Lee Kuan Yew, Lee Hsien Loong dan Goh Chok Thong. Cuba bayangkan khususnya sekiranya mereka mahu mengkaji apakah kesan-kesan extreme yang boleh berlaku hasil dan desakan dari kenyataan provokatif yang mereka suarakan.

Sama juga situasinya jika rakyat Johor dan rakyat Malaysia tidak bijaksana menghadapi provokasi-provokasi di masa lalu. Rakyat Johor khususnya paling banyak berhadapan dengan provokasi dengan Singapura. Ruang angkasa Johor, sebahagian dari negara Malaysia diceroboh oleh Tentera Udara Singapura. Adakah tidak terguris perasaan kita? Adakah hati kita tidak terluka dengan keadaan ini?

Tetapi oleh kerana kita patuh kepada pemerintahan, oleh kerana kita patuh dan menjunjung konsep peaceful coexistence, kita meredakan dan mematikan isu itu. Rakyat Malaysia masih teringat dan sehingga sekarang belum selesai. Pulau Batu Putih milik siapa? Dalam sejarahnya Pulau Batu Putih milik siapa?

Sekarang ini isu Pulau Batu Putih berada di International Court! Itu milik kita! Bagaimana kalau kita mahu menggunakan satu pemikiran yang cetek, kita letakkan tentera-tentera kita ke Pulau Batu Putih? Tidakkah itu menimbulkan satu military provocation? Kita tidak akan bertindak sedemikian oleh kerana kita orang Malaysia dan kita adalah orang yang waras dan kita orang bijaksana. Tetapi mengapa diberi muka kepada Singapura?

Sewaktu mahu berada di dalam Malaysia, Lee Kuan Yew tercatat secara luas dan melebar bahawa mahu berada di Malaysia kerana tanpa Malaysia, siapalah Singapura.

Sekarang telah keluar di Malaysia apabila Malaysia telah mencapai satu taraf yang sama rata dengan Singapura diperburuk-burukkan Malaysia. Inikah hakikat yang harus kita terima?

Tadi sahabat saya dari Jelebu bertanya, “apa yang harus kita buat?” Kepada saya, maaf dari Lee Kuan Yew tidak cukup walaupun Kabinet mengatakan cukup, rakyat jelata Johor dan saya orang Melayu kata, tidak cukup! [*Tepuk*] Lee Kuan Yew menghadapi zaman sun set, zaman senja. Tidak apa, dia sudah minta maaf, terima!

Lee Hsien Loong menghadapi sun rise, zaman yang menghadapi fajar yang cerah. Adakah orang ini kita biarkan untuk menutup mulut tanpa meminta maaf terhadap keceluparannya? Lee Hsien Loong harus menuntut maaf. Saya bagi pihak BBC menuntut Lee Hsien Loong supaya meminta maaf kepada seluruh rakyat Malaysia sebagai Timbalan Perdana Menteri Singapura.

Saya sebagai anak Johor menuntut Goh Chok Thong juga mengeluarkan kata-kata maaf sewaktu Lee Kuan Yew menimbulkan maritocracy dan kemungkinan percantuman semula Malaysia dengan Singapura. Goh Chok Thong diam. Dia Perdana Menteri Singapura! Siapa lebih berkuasa? Perdana Menteri atau Senior Minister? Soalan ini kita tinggalkan kepada orang Singapura menjawabnya. Tetapi dalam hal mengatakan Johor sarang perompak, sarang lanun, sarang perampas kereta - car jackers, saya minta Goh Chok Thong menuntut maaf kepada rakyat Johor kalau tidak mahu kepada rakyat Singapura!

Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu kaya dengan perumpamaan, kaya dengan peribahasa dan bidalan yang termaktub di dalam khazanah bangsa. Ada yang mengatakan, “Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar”. Kami juga diwariskan, ada bidalan mengatakan “Sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan merana”. Ada yang mengatakan, “Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya”. Pasti ada juga pendita-pendita Cina yang silam yang boleh dibaca oleh Lee Kuan Yew, Lee Hsien Loong dan Goh Chok Thong peribahasa-peribahasa lama mengenai adab dan totokeromo bersahabat dan berjiran! Takkan mereka tidak faham, mereka orang Timur!

Sebab itulah rakyat Malaysia, termasuk rakyat Johor marah baru-baru ini. Rasa marah itu belum padam, saya katakan tadi. Namun, kami semua akur kepada keputusan Kabinet dan kerajaan. Bila dikatakan Lee Kuan Yew dimaafkan, seluruh rakyat Malaysia “memaafkannya” - “memaafkannya”!

You ask me now, saya tak maafkan Lee Kuan Yew because luka masih lagi luka dan luka di tangan itu cepat hendak baik, luka di hati, it is up to me to control it! It is up to me to nurse it and it is up to me to prolong it! Ini keadaannya.

Jadi, sebagai kesimpulannya, saya harap Lee Kuan Yew menuntut maaf secara baik kepada rakyat Johor, kepada kerajaan Johor dan kepada Sultan Johor. Dia telah meminta maaf kepada Malaysia, tidak cukup. Johor is the direct target, sasaran khusus Lee Kuan Yew. Dia meminta maaf kepada rakyat Johor, kepada kerajaan Johor dan kepada Sultan Johor, pertama.

Saya minta Lee Hsien Loong meminta maaf kepada Kerajaan Malaysia, kepada rakyat Johor, kepada Sultan Johor dan Kerajaan Johor. Saya juga berharap Goh Chok Thong minta maaf kepada rakyat Malaysia, Kerajaan Malaysia, Kerajaan Johor, rakyat Johor dan Sultan Johor.

Rasanya sense of forgiving di kalangan majoriti orang Melayu tidak sama dengan yang dahulu. Mungkin emak bapa saya, datuk nenek saya very very forgiving terhadap apa yang dilakukan oleh Lee Kuan Yew, tetapi saya yakin generasi saya, termasuk generasi Pemuda UMNO, they are not very very forgiving terhadap apa yang disuarakan oleh Lee Kuan Yew dan anaknya! Ini hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua. As far as diplomatic relation is concerned, the issue is closed, but as far as people to people is concerned, the issue is still burning alive!

Jadi, menerusi peluang yang diberikan kepada saya di dalam perbincangan ini, oleh kerana Malaysia adalah negara yang sentiasa mahu memupuk bilateral dan multilateral relations yang positif dan yang baik demi kewujudan sejagat, bukan kewujudan Malaysia, saya harap perkara-perkara yang dilahirkan oleh Lee Kuan Yew dan Lee Hsien Loong pergilah minta maaf. Sekali ini saya minta Goh Chok Thong berani berdiri dan minta maaf bagi pihak Senior Ministernya. Janganlah perkara yang berlaku pada bulan Jun 1996 berlaku kali ini. Selagi waktu ini, kita masih lagi menunggu dan kita akan terus menunggu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon ampun dan maaf. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Marang.

6.20 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Petua,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Di samping kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana keselamatan negara yang sentiasa berada dalam keadaan stabil dan aman pada lahirnya, seperti yang disebut dalam Titah Ucapan, kita juga tidak boleh kufur terhadap nikmat ini dengan berpeluk tubuh tanpa membuat segala perhitungan yang merangkumi segala aspek kerana di saat kepesatan pembangunan ekonomi yang terus berkembang, kita juga sedang mengalami gejala daripada berlakunya perkara-perkara negatif yang bakal mengancam keselamatan negara dan kestabilannya.

Kerajaan tidak boleh menganggap segala-galanya telah sempurna dan lengkap kerana terdapat tanda-tanda kelemahan dalam pembangunan manusia itu sendiri yang menjadi rukun penting kepada negara dan pembangunannya seperti yang pernah saya tegaskan dalam persidangan yang lalu. Dan begitu juga terdapat kelemahan dalam beberapa perancangan dan tindakan kerajaan . Dalam perbahasan Belanjawan yang baru sahaja berlangsung, saya telah mengingatkan pihak kerajaan dalam Dewan ini tentang gejala-gejala sosial yang berlaku dengan merebak dan pihak kerajaan mengaku melalui kenyataan-kenyataan mutakhir tetapi masih tidak jelas dalam menunaikan tanggungjawab bagi menangani perkara ini.

Sikap mahu mempersalahkan orang lain nampaknya masih ada dalam diri pihak yang berkenaan tanpa mengambil tanggungjawab secara bersepadu.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:__ Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalankah?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Baru mukaddimah, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:_Sedikit pun tak beri?.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti saya beri jalan selepas ini.

Sebaliknya memberi alasan seperti kerana kelemahan-kelemahan guru-guru, bukannya sistem pendidikan, ibu bapa dan tidak mengakui beberapa punca yang memberi ruang kepada timbulnya gejala-gejala tersebut secara bertanggungjawab malahan titah ucapan dasar tidak menampakkan kesungguhan dalam mengemukakan perkara keruntuhan akhlak ini kerana yang menjadi agenda utama ialah kemajuan ekonomi yang dipisahkan dari pembangunan manusia itu sendiri dan seolah-olah perkara ekonomi tiada kaitan dengan akhlak.

Pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan manusia dan menjadi tunggak kepada perkara-perkara yang lain. Mauduk pendidikan menjadi agenda utama seluruh negara dan kerajaan-kerajaan di dunia. Dan menjadi perbincangan semua pihak yang memberi perhatian kepada masa depan umatnya adapun dalam kontek Islam dan umatnya tidak boleh disamakan dengan yang lain kerana aqidahnya yang tersendiri dan mempunyai mesej yang diperintah oleh Allah S.W.T. Oleh kerana sebahagian besar

penduduk Malaysia terdiri dari kalangan umat Islam, kita tidak boleh melupai kepada mesej ini. Firman Allahu Taala, Yang bermaksud, “Adalah kamu sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia. Kamu menyuruh kepada yang baik, kamu mencegah kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah .”

Dalam peranan negara Islam pula, ditegaskan perkara yang sama. Yang bermaksud, “Orang-orang yang kami berikan kepada mereka berkuasa memerintah di bumi, mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh kepada yang baik, mencegah kemungkaran dan bagi Allah akibat segala urusan”.

Dan peranan ilmu pula adalah dinyatakan di dalam ayat pertama yang diwahyukan kepada Rasullullah S.A.W. Yang bermaksud, “Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan, ia menciptakan manusia daripada segumpal darah, bacalah dengan nama Tuhanmu yang paling pemurah yang mengajar manusia dengan qalam, dengan pena, ia mengajar kepada manusia apa yang ia tidak tahu”.

Maka pendidikan dan pelajaran di dalam Islam mestilah diambil kira daripada aqidah Islamiah dan peranan Islam yang menyeluruh serta penganutnya yang diwajibkan mempunyai cara hidup mereka yang terpancar daripada ajaran agama itu

Sistem pendidikan dan pelajaran yang diamalkan sekarang adalah warisan dari zaman penjajahan yang sengaja menjadikan sistem pelajaran dan pendidikan yang begitu rupa sebagai acuan yang melahirkan umat yang dibentuk mengikut perancangan mereka tanpa terikat kukuh dengan agama, moral dan jauh sekali untuk membangun manusia

dengan agama walaupun dibenarkan mata pelajaran agama, jurusan pengajian agama dan lain-lain.

Perlu difahami bahawa matlamat pendidikan itu tidak sekadar membasmi buta huruf. Mengambil ilmu pengetahuannya sahaja dalam segala bidang untuk mencapai kemajuan kebendaan yang sangat dihajati, walaupun Islam tetap menghargai ilmu yang bermanfaat untuk dunia dan akhirat kerana

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] Yang Berhormat, Yan bangun lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat. Yang Berhormat ada juga mengkritik kerajaan tidak buat itu dan ini dan dari segi skim pendidikan juga. Tetapi kerajaan (pemimpin) sendiri telah mengatakan bahawa untuk memperbetulkan masalah sosial ini adalah tanggungjawab kita bersama, ummah kita ini - kerajaan, rakyat, manusia dan sebagainya. Jadi, saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kadang-kadang kita salahkan skim pendidikan, tetapi ada juga budak-budak, penuntut-penuntut di sekolah-sekolah agama, di pondok-pondok yang tahu juga tentang agama dan dididik tentang agama tetapi terjerumus didalam bidang masalah sosial. Dan adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa pihak parti pembangkang, parti Yang Berhormat sendiri tidak memainkan peranan yang begitu kukuh dan kuat untuk sama-sama memperbetulkan masalah yang kita hadapi hari ini.

Contohnya, kepimpinan PAS sendiri mungkin Yang Berhormat tidak, tetapi yang lain-lainnya masuk ke kampung memaki hamun dan ini menunjukkan satu tauladan yang tidak baik kepada ummah kita . Jadi bolehkah Yang Berhormat memperbetulkan masalah pemimpin-pemimpin dalam parti Yang Berhormat dan kita sama-sama memperbetulkan masalah ini kerana ini adalah tanggungjawab kita didunia dan kita akan sama-sama dipersoalkan di akhirat kelak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang Berhormat sebagai seorang yang terlibat dengan politik perlu memahami peranan pembangkang dengan peranan kerajaan. Kalau kita jadi pembangkang maka peranan kita sebagai pembangkang memberi kritik yang membina, pandangan-pandangan yang menasihat kerajaan dan kerajaan hendaklah membezakan di antara maki hamun dan nasihat yang membina. Kadang-kadang kita memberi nasihat dengan cara yang lembut dan kadang-kadang kalau keras kepala sangat, kita terpaksa memberi nasihat dengan ucapan yang bernas dan pedas dan mungkin dirasa pedas oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, kita merasa bertanggungjawab dalam perkara ini. Kalau kita jadi kerajaan, lain pula ceritanya , kita akan menjalankan peranan kita sebagai kerajaan yang mungkin berbeza dan mungkin kita dapat mengatasi masalah apa yang tidak boleh diatasi oleh pihak kerajaan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari bahawa ilmu yang memberi manfaat adalah merupakan suatu perkara yang dituntuti oleh Islam dan oleh semua agama, Rasulullah S.A.W. bersabda, yang bermaksud,

“Ilmu laksana barang yang dicari kepunyaan orang beriman, maka di mana sahaja ia menemuinya maka ialah yang paling berhak untuk mengambilnya.”

Tetapi ilmu itu berperanan juga untuk membangun insan itu sendiri supaya benar-benar menjadi abdi kepada Tuhan dan menjadi khalifahNya di bumi untuk menegakkan agama akhlak dan mentadbir dunia dengan ajaran yang betul. Setiap negara dan masyarakat di dunia mengambil kira realiti masing-masing dalam melaksanakan sistem pendidikan mereka.

Jepun yang menganut agama Buddha dan Sinthu enggan menerima bulat-bulat ilmu dan tamaddun Barat melainkan setelah dipinda dan diasaskan mengikut agama dan tanpa menjejaskan keperibadian bangsa mereka. Begitu juga India, yang majoriti penduduknya beragama Hindu bahkan negara-negara Barat yang menganut Kristian dan fahaman kapitalisme dan liberalisme tidak ada persamaan dalam sistem pendidikan diantara England, Perancis, Jerman, Amerika dan lain-lain. Sistem pendidikan bukannya merupakan suatu bahan yang diimport

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk hari ini. Yang Berhormat diminta sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.

